Intipatinya, kepimpinan dan sokongan Lembaga Pengarah memberikan sumbangan besar kepada keseluruhan pengurusan CGC, dari segi kecekapan dan keberkesanan sebagai sebuah institusi sokongan PKS utama di Malaysia.

Komposisi dan Keseimbangan

Lembaga Pengarah terdiri daripada gabungan personaliti-personaliti yang amat berkebolehan daripada bidang perniagaan dan korporat. Mereka mempunyai pengalaman yang luas, kemahiran-kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh CGC terutamanya semasa fasa mencabar dalam sejarahnya ketika ia sedang berubah daripada menjadi penjamin kredit secara tradisi kepada sebuah institusi kewangan yang berdaya maju. Terdapat sembilan pengarah kesemuanya, lapan daripada mereka merupakan pengarah bebas bukan eksekutif yang tidak mempunyai kaitan dengan pengurusan dan bebas daripada sebarang kepentingan yang boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat. Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif adalah berbeza dan kedua-duanya mempunyai tanggungjawab yang dikenalpasti dengan jelas bagi memastikan keseimbangan di dalam bidang kuasa masing-masing.

Dengan adanya ahli-ahli pengarah bebas bukan eksekutif dan pihak pengurusan yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pengarah dapat mencapai keseimbangan dan memberi pandangan bernas kepada CGC.

Walaupun kesemua pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama di dalam operasi CGC, peranan pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif adalah amat penting dalam memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diteliti sepenuhnya dengan mengambil kira kepentingan untuk jangka masa panjang kepada para pemegang saham, peminjam-peminjam, para pekerja, pembekal-pembekal dan komuniti perniagaan yang berurusan dengan CGC.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dijadualkan bermesyuarat sekali sebulan pada tahun 2007 dan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember, sebanyak 12 mesyuarat telah diadakan. Secara puratanya, kesemua sembilan pengarah telah menghadiri 84% daripada mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah.

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah adalah berpandukan kepada agenda rasmi yang pada kebiasaannya diberikan bersama-sama kertas-kertas pembentangan dan dokumen-dokumen berkaitan kepada semua pengarah yang berkenaan sebelum setiap mesyuarat diadakan. Dengan cara ini, mereka mempunyai masa yang cukup untuk meneliti kandungannya bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Isu-isu yang dibincangkan pada setiap mesyuarat adalah prestasi kewangan, laporan terkini terhadap inisiatif-inisiatif utama, risiko-risiko utama yang memberi kesan kepada perniagaan dan pendekatan untuk menanganinya, potensi risiko dan impak terhadap perniagaan baru yang diceburi, dan perkara-perkara lain yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.

Jika diperlukan, Lembaga Pengarah meminta pihak pengurusan untuk memberikan penerangan dan penjelasan yang terperinci. Lazimnya mereka juga dijemput hadir ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberikan penerangan kepada para pengarah berhubung perkara dibentangkan yang tertakluk di bawah bidang kuasa mereka. Para pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional yang bebas dan dari setiausaha syarikat.

Perincian kehadiran ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di bawah:

Bil.	Pengarah	Jumlah kehadiran	%
1	Dato' Zamani Abdul Ghani	8	67
2	Datuk Wan Azhar Wan Ahmad	12	100
3	Encik Md Yusof Hussin	11	92
4	Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed	12	100
5	Datuk P. Kasi	8	67
6	Dato' Tan Yew Thong	10	83
7	Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz	11	92
8	Puan Zaiton Mohd Hassan	9	75
9	Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz	10	83

Kemudahan Mendapatkan Maklumat

Setiap ahli Lembaga Pengarah diberikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan perniagaan CGC dan pelbagai maklumat lain kerana ianya amat penting untuk mereka menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan cekap. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memberikan Lembaga Pengarah dengan semua maklumat kuantitatif dan kualitatif untuk membantu dalam proses membuat keputusan. Para pengarah juga mempunyai hak untuk meminta maklumat dan penjelasan yang terperinci, jika diperlukan. Justeru itu, Lembaga Pengarah sentiasa diberikan maklumat dan dokumen yang relevan dan terkini semasa bermesyuarat. Ini akan membolehkan mereka menyelesaikan semua isu secara ilmiah dan tepat dalam membuat keputusan.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Pengarah-pengarah dilantik menjadi ahli Lembaga bagi memastikan CGC diurus dengan cekap dan dengan tahap ketelusan yang tinggi dan bertanggungjawab. Justeru itu, pemilihan para pengarah adalah berdasarkan kepada kelayakan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa serta kepakaran dan pengalaman yang tertentu. Kriteria pemilihan adalah telus dan mengambilkira arah tuju strategik CGC dan perubahan di dalam situasi perniagaan. Lembaga Pengarah yang mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman boleh memacu CGC memainkan peranan efektif dalam pembangunan PKS.

Walau bagaimanapun, para pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada pelantikan semula oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan CGC.



Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan

A. Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Lembaga Pengarah

Bilangan Jawatankuasa

Bil.	Jawatankuasa	Kekerapan Mesyuarat
1	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit	Setiap dua bulan
2	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pelaburan	Setiap dua bulan
3	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko	Setiap suku tahun
4	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Teknologi Maklumat	Setiap suku tahun
5	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuhan	Setiap enam bulan

Terdapat lima jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan di atas. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ditubuhkan untuk menguatkan keyakinan Lembaga Pengarah dalam mengamalkan prinsip-prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang terbaik. Pada dasarnya, jawatankuasa-jawatankuasa tersebut mempunyai tanggungjawab masing-masing yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut juga masing-masing mempunyai terma-terma rujukan dan peraturan operasi sendiri dan pengerusi bagi setiap jawatankuasa melaporkan perkara-perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat mereka kepada Lembaga Pengarah. Laporan tersebut juga akan dimuatkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

1. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit merupakan entiti bebas dengan peranan utamanya membantu Lembaga Pengarah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perakaunan dan laporan kewangan CGC. Sebagai penasihat, jawatankuasa ini juga memberikan khidmat kepakaran kewangan dan khidmat nasihat terutamanya di dalam penyemakan audit dalaman. Jawatankuasa ini juga memastikan semua pengauditan dan laporan kewangan adalah mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah dengan menjalankan peranan-peranan berikut:

- (i) Kualiti dan ketelusan maklumat kewangan;
- (ii) Keberkesanan pengurusan risiko dan kepatuhan kepada amalan tadbir urus korporat;
- (iii) Prestasi audit luaran, kelayakan dan kebebasan;
- (iv) Prestasi audit dalaman CGC; dan
- (v) Kepatuhan CGC terhadap perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

2. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pelaburan

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pelaburan dipertanggungjawabkan mengembang dan menyemak semula strategi dan operasi yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pelaburan dana CGC. Peranan-peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Menyemak semula prestasi portfolio pelaburan;
- (ii) Menyemak semula had / sasaran, tempoh dan terma-terma dan juga had tumpuan pasaran bagi setiap kategori aset;
- (iii) Memastikan adanya laporan yang tetap dan mencukupi serta sistem kawalan dalaman; dan
- (iv) Menimbangkan cadangan pelaburan yang dibuat oleh pihak pengurusan CGC.

3. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko

Peranan Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko adalah memberikan khidmat nasihat mengenai koordinasi dan keutamaan terhadap isu-isu yang berkaitan pengurusan risiko yang dihadapi oleh CGC. Ini termasuklah penilaian terhadap perancangan pengurusan risiko CGC bagi memastikan perancangan ini adalah relevan, komprehensif dan berkesan kepada CGC. Peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan halatuju dalam keseluruhan strategi pengurusan risiko bagi CGC;
- (ii) Menyemak semula polisi dan tatacara untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan mengawal pendedahan risiko secara berkesan;
- (iii) Menyemak semula kepatuhan pihak pengurusan terhadap polisi-polisi dan tatacara-tatacara sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan risiko;
- (iv) Menyemak semula had-had yang diberikan kepada kakitangan tertentu di dalam meluluskan permohonan pinjaman, selaras dengan polisi dan tatacara yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (v) Menyemak semula penilaian pihak pengurusan ke atas kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu; dan
- (vi) Memeriksa perkara-perkara lain yang berkaitan pengurusan risiko seperti yang diarah oleh Lembaga Pengarah.

4. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Teknologi Maklumat

Penggunaan teknologi terkini amat kritikal bagi CGC dalam usahanya untuk meluaskan jangkauan dan rangkaian produk dan perkhidmatan. Lembaga Pengarah sebagai penasihat membantu membangunkan rangka kerja dan proses bagi setiap kaedah baru dan menilai sistem dan infrastruktur teknologi maklumat. Ini adalah untuk memastikan agar sistem yang digunapakai memenuhi keperluan CGC untuk jangka masa panjang dan cukup dinamik bagi menghadapi sebarang perubahan akan datang.

Di bawah adalah senarai peranan utama jawatankuasa tersebut:

- (i) Menyediakan halatuju teknologi maklumat secara menyeluruh;
- (ii) Menyemak semula perkara-perkara berkaitan polisi yang melibatkan infrastruktur teknologi maklumat CGC;
- (iii) Menyemak semula dan mencadangkan belanjawan bagi teknologi maklumat kepada Lembaga Pengarah;
- (iv) Menyemak semula keputusan analisa bagi projek yang berpotensi dan kemajuan pelaksanaan projek teknologi maklumat; dan
- (v) Memastikan CGC seiringan dengan perkembangan terbaru dalam teknologi maklumat.

5. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuan

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuan bertanggungjawab untuk memastikan CGC mempraktikkan cara pemberian imbuan yang terkini dan semua kakitangan memperoleh imbuan yang setimpal dengan sumbangan mereka kepada CGC. Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan halatuju dan strategi pemberian imbuan kepada kakitangan CGC secara keseluruhan;
- (ii) Menyemak semula keseluruhan polisi dan dasar pemberian imbuan secara menyeluruh;
- (iii) Menyemak kemajuan dan sistem imbuan kepada kakitangan termasuklah memastikan sasaran prestasi diwujudkan bagi mencapai kesaksamaan. Kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan diambilkira dan keseimbangan yang bersesuaian dibuat di antara matlamat jangka pendek dan jangka panjang;
- (iv) Memberi nasihat berkaitan skim-skim imbuan bagi CGC;

(v) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah akan khidmat penasihat dan perunding jika diperlukan bagi memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab; dan

(vi) Menilai perkara-perkara yang berkaitan dengan imbuhan kakitangan seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

B. Jawatankuasa Pengurusan

Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan pada peringkat pengurusan, berfungsi sebagai pusat membuat keputusan bersama bagi pelbagai unit di dalam CGC.

CGC telah menyemak semula peranan dan kerelevanan beberapa jawatankuasa pada tahun ini selaras dengan pelaksanaan rancangan pembaharuan perniagaannya yang kini memasuki fasa ketiga pelaksanaannya. Selepas penyemakan tersebut, dua jawatankuasa telah dimansuhkan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Kecil Pemulihan Pinjaman. Ini menjadikan sembilan jawatankuasa utama dan satu jawatankuasa kecil masih lagi berfungsi di bawah skop Jawatankuasa Pengurusan.

Bil.	Jawatankuasa Pengurusan
1	Jawatankuasa Pengurusan
2	Jawatankuasa Kredit Dan Perniagaan
3	Jawatankuasa Pentadbiran Dan Operasi
4	Jawatankuasa Pinjaman
5	Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan
6	Jawatankuasa Teknologi Maklumat
7	Jawatankuasa Pemacu Teknologi Maklumat
8	Jawatankuasa Pemacu Rancangan Pembaharuan Perniagaan
9	Jawatankuasa Kepatuhan Audit
10	Jawatankuasa Kecil Pembangunan Cawangan

Pemegang Saham

Lembaga Pengarah sedar bahawa para pemegang saham sebagai pemilik CGC mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat prestasi kewangan dan pencapaian yang dibuat oleh CGC dalam aspek-aspek operasi yang lain. Lembaga Pengarah sentiasa berusaha mengekal dan melindungi kepentingan para pemegang saham dengan memastikan objektif, ketelusan dan keseimbangan dilaksanakan di dalam pengurusan CGC. Maklumat disalurkan melalui penerbitan Laporan Tahunan yang terperinci di mana terdapat prestasi kewangan bagi tahun itu yang telah diaudit. Lembaga Pengarah juga menyalurkan maklumat kepada semua pemegang saham dan pihak-pihak yang berkepentingan melalui berbagai saluran di antaranya Mesyuarat Agung Tahunan, portal PKS CGC (www.iguarantee.com.my), kenyataan-kenyataan akhbar dan sidang-sidang akhbar.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Audit Dalam

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keberkesanan sistem kawalan dalaman dan memastikan ianya berjalan lancar. Sistem yang digunapakai mestilah boleh mengesan dan mengurus semua risiko yang dihadapi oleh CGC. Pada dasarnya, Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan pelaburan para pemegang saham dan kepentingan pihak yang berkepentingan.

Audit Dalam

Audit dalam adalah kepastian yang objektif dan aktiviti khidmat nasihat yang dikendalikan secara bebas di CGC. Ianya adalah berlandaskan prinsip penambahbaikan nilai ke arah meningkatkan operasi dan prestasi CGC.

Jabatan Audit Dalam membantu CGC untuk mencapai matlamatnya dengan membawa pendekatan yang lebih sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko CGC, pengawalan dan proses ketelusan yang lebih efektif. Selain itu, Audit Dalam membantu pihak pengurusan menghindari dan mengesan salah laku penipuan.

Penyata Pengerusi

Para pemegang saham,

Bagi pihak Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, saya dengan sukacitanya mengambil kesempatan ini untuk membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007.

Tahun 2007 merupakan antara salah satu tahun yang penuh dengan pelbagai peristiwa bagi CGC. Berbagai aktiviti penting dilaksanakan diantaranya usahasama strategik dengan rakan niaga dari dalam dan luar negara, peluasan jangkauan kepada PKS melalui kepelbagaian produk dan perkhidmatan serta penambahbaikan dalam sistem dan infrastruktur teknologi maklumat. Inisiatif-inisiatif tersebut merupakan langkah utama di bawah fasa kedua pelaksanaan Rancangan Pembaharuan Perniagaan yang telah berjaya dilaksanakan sepertimana yang dirancangan.

CGC terus menjadi institusi peneraju penjamin kredit negara pada tahun ini dengan memberikan pembiayaan kepada PKS yang terlibat di dalam sektor-sektor utama seperti perkhidmatan, perkilangan dan pertanian. CGC sedar akan sumbangan PKS dalam meningkatkan kepesatan pertumbuhan ekonomi di negara ini. CGC bersama-sama dengan rakan-rakan perkhidmatan kewangannya telah membantu PKS melalui pengkhususan dan pembezaan produk dan perkhidmatan kewangan, justeru memenuhi keperluan pembiayaan unik mereka dengan cekap.

Walaupun pelbagai aktiviti dijalankan pada tahun ini, CGC tetap fokus dan berjaya mencapai pertumbuhan pinjaman pada RM4.6 bilion. Ini merupakan pencapaian yang memberangsangkan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi dari segi nilai dan jumlah akaun. CGC mencatatkan pertumbuhan pada kadar 53.3% dan 72.9% dari segi nilai dan jumlah pinjaman. Jaminan bernilai RM4.6 bilion telah dikeluarkan (termasuk portfolio pinjaman PKS melalui penssekuritan sebanyak RM600 juta) pada tahun 2007 berbanding RM3.0 bilion jaminan pinjaman pada tahun 2006.



“CGC mencatatkan pertumbuhan pada kadar 53.3% dan 72.9% dari segi nilai dan jumlah pinjaman. Jaminan bernilai RM4.6 bilion telah dikeluarkan (termasuk portfolio pinjaman PKS melalui penssekuritan sebanyak RM600 juta) pada tahun 2007 berbanding RM3.0 bilion jaminan pinjaman pada tahun 2006.”

Prestasi pertumbuhan pinjaman CGC yang memberangsangkan itu adalah hasil daripada sokongan permintaan domestik yang tinggi dalam kedua-dua sektor swasta dan awam yang memacu perbelanjaan pengguna dan aktiviti-aktiviti pelaburan pada tahun 2007. Dengan permintaan domestik yang tinggi, ekonomi Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan paling pesat dalam tempoh tiga tahun, mencatatkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 6.3% sepanjang tahun 2007, dalam suasana permintaan luaran yang sederhana. Pertumbuhan pinjaman CGC juga disebabkan oleh sokongan padu yang berterusan daripada institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian. Institusi-institusi kewangan ini amat aktif di dalam membantu PKS dan juga CGC meluaskan jangkauan dengan memperkenalkan produk-produk terbaru serta aktiviti-aktiviti pemasaran yang agresif.

Sekali lagi, Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) dan Skim Kredit Enhancer (ENHANCER) [skim yang menggantikan Skim Jaminan Utama Baru (SJOB)] merupakan dua skim jaminan utama yang masing-masing mencatatkan 37.2% (4,842 pinjaman) dan 53.8% (RM2.5 bilion) di dalam jumlah dan nilai jaminan pinjaman. Sektor yang paling banyak memperolehi manfaat ialah sektor pemborongan, yang menerima 36.2% jaminan pinjaman, diikuti oleh sektor-sektor perkilangan (21.5%) dan perdagangan runcit (13.4%).

“CGC telah mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 13.0% daripada RM243.6 juta pada tahun 2006 kepada RM275.2 juta pada tahun 2007. Jumlah pinjaman yang dijamin juga meningkat dan telah menyebabkan pertumbuhan di dalam pendapatan yuran jaminan sebanyak 14.9% kepada RM111.2 juta pada tahun 2007 (2006: RM96.7 juta).”

Perolehan daripada pelaburan turut meningkat sebanyak 11.7% iaitu daripada RM146.9 juta pada tahun 2006 kepada RM164.1 juta dalam tahun 2007. CGC telah melaksanakan beberapa langkah wajar bagi menyelaraskan polisi-polisi rizab perakaunan dan peruntukan. Kesan daripada langkah-langkah ini telah menyebabkan penurunan keuntungan bersih kepada RM42.7 juta pada tahun 2007 (2006 : RM119.2 juta).

Dengan peningkatan rizab CGC pada kadar 0.7% pada tahun 2007, dana pemegang saham telah meningkat daripada RM2.69 bilion kepada RM2.71 bilion pada 31 Disember 2007.

Inisiatif dan Pencapaian

Pelbagai aktiviti penting dilaksanakan pada tahun 2007 di mana CGC telah menggiatkan usaha-usaha dalam pelaksanaan Rancangan Pembaharuan Perniagaan tiga tahunnya. Rancangan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif-inisiatif yang diambil oleh kerajaan secara keseluruhan bagi mengukuhkan kemudahan sokongan kepada PKS.

Sepanjang 2007, CGC telah memberi tumpuan dalam meluaskan jangkauan kepada PKS melalui penambahan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan bagi memenuhi keperluan PKS yang sentiasa berubah-ubah di dalam pelbagai tahap kitaran pembangunan perniagaan. Sejalan dengan tumpuan strategik itu, beberapa produk pemangkin kredit dan perkhidmatan pembiayaan yang baru dan ditambahbaik telah disediakan untuk PKS. Skim Jaminan Bank Terus dan DAGS Start-Up merupakan dua skim jaminan baru yang dilancarkan untuk PKS yang mempunyai tawaran kontrak kerja daripada kerajaan dan juga perniagaan-perniagaan baru. Lima skim jaminan yang sedia ada iaitu SJLT, ENHANCER-i, Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) dan Skim Pembiayaan Francais (FFS) juga telah disemak semula dengan menambahbaik ciri-ciri produk tersebut termasuklah struktur 'risk-adjusted pricing'.

“Menyedari akan peningkatan di dalam permintaan untuk sumber pembiayaan alternatif daripada PKS terutamanya skim pembiayaan yang berteraskan syariah, CGC telah mengadakan jalinan usahasama strategik dengan 11 buah institusi perbankan Islam dan institusi kewangan pembangunan pada bulan Februari 2007.”

Usahasama strategik ini telah memberi laluan kepada institusi-institusi kewangan bukan pemegang saham untuk turut serta dalam skim-skim jaminan pinjaman CGC. Ini merupakan langkah yang wajar bagi CGC membantu dan meluaskan jangkauan kepada PKS untuk memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Dengan menyertai skim-skim jaminan pinjaman CGC, institusi-institusi perbankan Islam dan institusi-institusi kewangan pembangunan telah dapat mempelbagaikan risiko dan meningkatkan jumlah pelanggan mereka. Usahasama ini membolehkan CGC dan rakan-rakan niaga strategiknya meningkatkan peranan mereka sebagai pemangkin kredit dan pemberi pinjaman yang lebih efektif.

Pada Mei 2007, CGC telah mengadakan perjanjian pinjaman penssekuritan sintetik PKS dengan Maybank, transaksi yang pertama seumpamanya di Malaysia. Peranan CGC sebagai pemangkin pinjaman di dalam pelaksanaan penssekuritan ini menandakan penglibatan CGC di dalam pasaran modal tempatan. Penglibatan CGC ini menunjukkan komitmennya untuk meluaskan lagi kemudahan-kemudahan dan langkah-langkah untuk meningkatkan akses pinjaman kepada PKS.

CGC juga mengadakan usahasama strategik dengan Aureos Capital iaitu sebuah syarikat peneraju antarabangsa di dalam pengurusan dana ekuiti bagi PKS. Syarikat usahasama yang ditubuhkan oleh kedua-dua pihak ini memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan modal pelaburan ekuiti swasta ke dalam syarikat-syarikat PKS yang telah dikenalpasti. Usahasama ini juga diharap dapat berperanan sebagai platform bagi pertukaran pengetahuan berkaitan teknikal, teknologi dan pengalaman di dalam dana ekuiti. Oleh kerana usahasama ini merupakan penerokaan baru bagi CGC, tiada sebarang usaha diabaikan dalam proses pemindahan pengetahuan dan kepakaran teknikal. Kakitangan ditempatkan di syarikat usahasama berkenaan untuk memperoleh pengetahuan dalam melaksanakan pembiayaan ekuiti.

Pada bulan Julai, CGC telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Dun & Bradstreet (D&B) Malaysia Sdn. Bhd. untuk menubuhkan Biro Kredit PKS yang pertama di Malaysia. Ia merupakan pangkalan data kewangan sepusat bagi PKS dan akan berfungsi sebagai sumber utama bagi penyimpanan maklumat pendaftaran syarikat, rekod pembiayaan, hutang dan obligasi, penyata kewangan dan rakan-rakan kongsi PKS berkenaan. Pelancaran portal Biro Entrepris diadakan pada bulan Oktober dengan membuka keahliannya kepada PKS, institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat. Sehingga 31 Disember, sebanyak 1,000 PKS telah mendaftar sebagai ahli di dalam Biro ini.

Menyedari adanya peningkatan permintaan di dalam kemudahan-kemudahan jaminan kredit dan khidmat nasihat perniagaan serta potensi pembangunan perniagaan yang besar di Sabah dan Sarawak, CGC telah mengembangkan lagi khidmat perunding perniagaannya dengan melantik tiga perunding baru di bawah "Business Advisory Services Entity" (BASE). BASE pada dasarnya adalah panel perunding bebas yang dilantik oleh CGC untuk membantu peminjam PKS yang memerlukan khidmat nasihat bagi memperoleh kemudahan kewangan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh BASE termasuklah penyediaan rancangan perniagaan/kertas kerja untuk tujuan permohonan pinjaman, mengurangkan tempoh masa pemprosesan pinjaman dan juga membantu PKS dalam mengambil langkah wajar untuk melindungi dan meningkatkan lagi perniagaan. Kini terdapat lapan penasihat perniagaan bebas di bawah panel BASE CGC di seluruh Malaysia.



Prospek Tahun 2008

Walaupun terdapat ketidaktentuan yang amat ketara dalam persekitaran ekonomi antarabangsa dan kewangan, namun ramalan ekonomi Malaysia pada tahun 2008 masih menggalakkan. Dengan kekukuhan permintaan domestik yang berterusan serta beberapa faktor asas utama yang menyokong aktiviti sektor swasta, ekonomi dijangka meningkat dengan stabil pada kadar pertumbuhan antara 5-6%. Kebanyakan sektor ekonomi yang diramal akan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, terutamanya sektor-sektor perkhidmatan dan pertanian, kecuali sektor pembuatan yang dijangka merosot disebabkan oleh kurangnya permintaan dari luar.

Ramalan pertumbuhan ekonomi yang stabil untuk tahun 2008 memberikan perkembangan perniagaan memberangsangkan bagi CGC. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama di bawah Rancangan Pembaharuan Perniagaan tiga tahun akan dilaksanakan dengan lancar, kerana ianya telah menghasilkan momentum daripada daya usaha intensif selama dua tahun untuk membangunkan keupayaan institusi dan meluaskan rangkaian produk.

“Fokus strategik CGC pada tahun ini adalah menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk mencapai kekukuhan kewangan masa depan, seperti yang tertera di dalam pelan fasa ketiga perancangan pembaharuannya.”

Pengenalan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang inovatif dan berdaya saing dengan hasil pulangan yang memberangsangkan merupakan salah satu langkah yang dikenalpasti sebagai daya usaha utama CGC untuk mencapai matlamat tersebut. Portfolio jaminan dan “collateralised loan obligation” (CLOs) merupakan dua produk baru yang dikenalpasti dapat meningkatkan sumber dana alternatif dan kadar pembiayaan jangka masa sederhana yang menarik daripada pasaran modal PKS. CGC telah lama mengadakan perbincangan yang terperinci dengan bank-bank mengenai inisiatif tersebut dan dijangka akan menawarkan produk-produk baru pada penghujung tahun 2008. Lanjutan daripada kejayaan usahasama penssekuritan sintetik dengan Maybank yang dilaksanakan pada tahun 2007, CGC telah bersedia untuk menjadi sebuah institusi pemangkin kredit untuk usahasama-usahasama pada masa hadapan di Malaysia.

Dengan penubuhan Biro Kredit PKS pada suku kedua tahun 2008, institusi-institusi kewangan, penjamin-penjamin pinjaman lain, PKS dan masyarakat umum dapat memperoleh pelbagai maklumat daripada laporan biro seperti profil PKS, kredit dagangan, pembiayaan pinjaman dan penilaian kredit. Melalui biro ini, PKS akan menikmati manfaat melalui peningkatan peluang perniagaan yang lebih telus dan profesional, laluan yang lebih baik bagi memperoleh pembiayaan dengan adanya rekod prestasi, merupakan alat yang mudah untuk menilai sendiri kedudukan kredit dan jaringan dengan rakan kongsi dan pembiayaan kewangan disamping

meningkatkan daya saing. Bagi institusi-institusi kewangan pula, mereka akan memperolehi manfaat daripada sistem penilaian kredit PKS ini kerana ianya mempunyai sampel data yang luas berbanding dengan sesebuah institusi kewangan sahaja, penanda aras bagi industri, alat pengurusan risiko, alat perbandingan bagi penilaian dalaman dan maklumat PKS setempat.

CGC juga akan melaksanakan strategi pelaburan yang lebih dinamik kerana ia sedar bahawa saiz dana yang amat besar dapat diuruskan dengan baik bagi meningkatkan pulangan berdasarkan tahap risiko yang dipilih bagi pelaburan dan dalam masa yang sama memberi sumbangan besar kepada keuntungan keseluruhan CGC. Pada masa hadapan, adalah dijangka lebih banyak peruntukan terhadap aset yang dinamik akan dibuat sejajar dengan pembangunan fizikal dan sumber manusia dalam operasi pelaburan CGC.



Kerjasama Antarabangsa

Dengan penglibatan CGC dalam pensukuritan, pembiayaan ekuiti dan jaminan-jaminan portfolio, inisiatif yang penting dalam rancangan pembaharuan, sesi-sesi latihan khas mengenai strategi-strategi pembiayaan dan pengurusan aset liabiliti telah dianjurkan bagi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan CGC. Langkah ini adalah untuk membolehkan mereka meningkatkan kefahaman dan mendapatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang-bidang khusus untuk membolehkan mereka mendapatkan dana serta mengurus risiko yang diwarisi. Sesi-sesi latihan ini dikendalikan dengan bantuan KfW Bankengruppe dari Jerman iaitu penyokong utama pembangunan PKS di Jerman dan Eropah. Bantuan teknikal dan kerjasama antara CGC dan KfW Bankengruppe berjaya dilaksanakan dengan termeterinya perjanjian persefahaman di antara kedua-dua pihak pada tahun 2006.

CGC buat kali pertamanya menyertai forum "Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific" (ADFIAP) di Manila, Filipina. Ini adalah untuk meluaskan lagi rangkaian antarabangsanya di rantau Asia Tenggara melalui ADFIAP. ADFIAP merupakan sebuah badan yang bergabung dengan "Economic and Social Council" (ECOSOC) dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada bulan Oktober 2007, CGC telah menyertai "Global Summit for SME Guarantee Organisations Leaders" yang bermatlamat membantu ahli-ahlinya memahami pelbagai skim dan program jaminan yang sedia ada di seluruh dunia. Ini akan mempengaruhi penggubal dasar untuk memasukkan 'Jaminan PKS' ke dalam agenda pembangunan mereka yang kekal serta menggalakkan usahasama sejati antara PKS, bank dan kerajaan.

"Pada sidang kemuncak yang berlangsung di Lisbon, Portugal, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan CGC telah diberi peluang untuk berkongsi pendapatnya tentang 'SMEs access to debt financing and guarantees in Asia', satu pengiktirafan bagi peranan penting yang dimainkan oleh CGC dalam pembangunan PKS di Malaysia."

Sebelum sidang kemuncak tersebut, beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk '*Securitising SME Loans*' dalam dialog antara ADFIAP-KfW berkenaan dengan kewangan PKS. Dialog ini merupakan forum pembelajaran bersama dan usahasama strategik bagi ketua-ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan dari bank-bank pembangunan ADFIAP di Asia dan Pasifik serta pegawai-pegawai kanan KfW. Dialog tersebut berlangsung di ibu pejabat KfW di Frankfurt, Jerman pada Ogos 2007.

CGC telah menyertai persidangan "Asian Credit Supplementation Institution Confederation" (ACSIC) ke-20 di Bali, Indonesia pada bulan November 2007. Di dalam persidangan ini wakil-wakil CGC berpeluang berinteraksi dan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan ahli-ahli dari institusi-institusi jaminan kredit lain yang lebih berpengalaman dan maju. Persidangan ini menjadi platform yang efektif bagi ahli-ahlinya bertukar-tukar pengetahuan dan berkongsi pengalaman unik mereka dalam pembangunan PKS. CGC juga telah mengambil bahagian dalam program-program latihan ACSIC di Taiwan. Kami percaya, penyertaan sebegini amat berguna dalam menambahkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dari latihan akan memanfaatkan CGC dalam jangka masa panjang.

Dalam tahun 2007, CGC juga berpeluang berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan beberapa buah institusi kewangan antarabangsa yang telah mengadakan lawatan ke ibu pejabat CGC di Kelana Jaya, Selangor. CGC menjadi tuan rumah kepada delegasi-delegasi dari Sudan, Mesir, Jepun dan Vietnam yang menghargai dan mengiktiraf kebolehan dan kepakaran CGC dalam membangunkan PKS.

Penghargaan

CGC telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelaksanaan rancangan pembaharuannya serta pertumbuhan pinjaman dalam tahun 2007. Pencapaian-pencapaian ini adalah disebabkan oleh sokongan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan terutamanya Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan yang paling utama, warga kerja CGC.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tulus ikhlas kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah di atas komitmen dan sokongan yang tidak terhingga dalam membantu mencorak masa depan CGC. Bagi pihak Ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan atas sumbangan dan kepimpinan beliau dalam memimpin CGC menjadi sebuah institusi sokongan PKS yang ulung di Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan CGC atas kegigihan dan dedikasi yang ditunjukkan sepanjang tahun-tahun yang lepas. Saya yakin bahawa CGC akan terus menikmati kejayaan dan menjadi lebih digeruni dalam pembangunan PKS pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya juga mengucapkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada insitituti-institusi kewangan dan institusi-institusi kewangan pembangunan atas penglibatan mereka dengan CGC terutamanya di dalam jalinan usahasama yang telah dibuat. CGC akan terus menghargai sumbangan penting mereka dengan menganugerahkan Anugerah Pendokong Utama PKS. Penganugerahan ini diadakan setiap tahun bagi menghargai institusi kewangan yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan PKS. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pelanggan-pelanggan yang terus memberi kepercayaan kepada CGC dalam memajukan perniagaan mereka.

Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan CGC kepada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan atas keyakinan dan sokongan padu mereka terhadap usaha-usaha CGC dalam membangunkan PKS.



Dato' Zamani Abdul Ghani
Pengerusi
Lembaga Pengarah

Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

Prestasi Keseluruhan

Prestasi CGC mencerminkan momentum pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia yang telah berkembang pada kadar 6.3% pada tahun 2007. Kepesatan ini adalah hasil daripada kekukuhan ekonomi negara yang diperkuatkan oleh kepelbagaian asas ekonomi. CGC berjaya mengembangkan perniagaannya terutama di dalam peningkatan pinjaman hasil daripada penumpuan terhadap beberapa strategi utama dan permintaan domestik yang memberangsangkan. Kombinasi faktor-faktor ini telah membantu CGC mencapai tahap perkembangan yang besar dalam meluaskan jangkauan terhadap PKS pada tahun ini.

Cabaran bagi CGC lazimnya adalah dalam menghasilkan akses pembiayaan yang lebih luas kepada PKS. CGC bertindak dengan amat efektif terhadap cabaran seumpama ini kerana ianya telah berjaya menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan serta saluran-saluran alternatif baru kepada PKS untuk memperolehi akses pembiayaan yang lebih baik. Hasil daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini dibuktikan dengan bilangan PKS yang memperolehi manfaat daripada sokongan pembiayaan CGC.

Pembiayaan PKS

Secara keseluruhannya, PKS terus menikmati akses pembiayaan yang lebih baik daripada institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan. Kedua-dua kumpulan institusi ini telah memberikan pinjaman berjumlah RM128 bilion kepada 625,167 PKS. Institusi-institusi perbankan sahaja mencatatkan 89% atau RM114.2 bilion daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada penghujung tahun 2007. Institusi-institusi kewangan pembangunan pula melengkapkan lagi institusi-institusi kewangan dengan mencatatkan pemberian pinjaman berjumlah RM13.8 bilion bersamaan 11% daripada jumlah keseluruhan baki pinjaman kepada PKS.



“Cabaran bagi CGC lazimnya adalah dalam menghasilkan akses pembiayaan yang lebih luas kepada PKS.”

Pada tahun 2007, kedua-dua kumpulan institusi ini telah meluluskan sejumlah RM63.2 bilion pinjaman kepada lebih daripada 132,000 PKS, melepasi jangkaan sasaran RM51 bilion bagi 110,000 PKS. Sektor-sektor yang paling banyak memperoleh manfaat adalah sektor perkhidmatan yang mencatatkan 47.4%, sektor pembuatan (25.5%), pembinaan (13.2%), pertanian utama (4.3%) dan sektor-sektor lain (9.6%).

Pembiayaan PKS oleh CGC bagi tahun 2007 adalah sama seperti pembiayaan yang diberikan oleh institusi-institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan. Pertumbuhan pinjaman CGC adalah amat memberangsangkan dengan jumlah pinjaman bernilai RM4.6 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 13,004 pinjaman (2006: 7,523 akaun) bernilai RM4.0 bilion telah dijamin di bawah skim-skim utama dan skim pembiayaan berprogram CGC, manakala sebanyak RM600 juta telah dijamin di bawah pensekuritan sintetik pinjaman PKS yang dilaksanakan. Ini mencerminkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 53.3% dari segi nilai berbanding dengan RM3.0 bilion pinjaman yang dijamin pada tahun 2006.

“Pengalaman CGC yang luas dan sumbangannya terhadap pembangunan sektor PKS telah membantu CGC dalam memahami berbagai kehendak dan perubahan keperluan pembiayaan PKS. CGC bukan sekadar bertindak sebagai rakan dan penyokong PKS tetapi juga sebagai penghubung antara PKS dan institusi-institusi kewangan.”

Menyedari peranan besarnya dalam pembangunan PKS, CGC telah lama mengambil pelbagai inisiatif untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatannya serta meningkatkan proses-proses kritikal bagi memberikan sokongan yang lebih baik kepada PKS.

Pengurusan Skim-skim Jaminan

Penambahan bilangan produk dan perkhidmatan merupakan fokus utama bagi CGC pada tahun 2007. CGC telah memperkenalkan dua skim baru iaitu Skim Jaminan Bank Terus dan DAGS Start-Up yang diwujudkan khusus bagi memenuhi keperluan tertentu sesetengah kumpulan PKS. CGC juga mengambil inisiatif untuk meluaskan lagi manfaat jaminannya dengan penyertaan 11 buah institusi kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan. Inisiatif-inisiatif ini adalah bermatlamat khusus untuk meluaskan jangkauan CGC melangkaui komuniti PKS yang lebih luas khususnya di dalam sektor-sektor yang baru dan kurang diberikan penumpuan.

Pada tahun 2007, CGC telah menguruskan sepuluh skim jaminan pinjaman yang merangkumi tujuh Skim Utama dan tiga Skim Pembiayaan Berprogram. Skim-skim tersebut adalah:

Skim-skim Utama

1. Skim Kredit Enhancer (ENHANCER) [yang menggantikan Skim Jaminan Utama Baru (SJUB)]
2. Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)
3. Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI)
4. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)
5. Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (SJLT-i)
6. Skim Jaminan Laluan Terus – Start-Up (DAGS Start-Up)
7. Skim Jaminan Bank Terus (SJBK)

Skim-skim Pembiayaan Berprogram

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Skim Pembiayaan Francais (SPF)
3. Skim Kemudahan Jaminan Khas-2 (KJK-2)

Pinjaman-pinjaman Baru Yang Dijamin

SJLT dan ENHANCER merupakan skim-skim yang memberikan sumbangan tinggi kepada pertumbuhan keseluruhan pinjaman pada tahun 2007 yang mencatatkan sejumlah RM2.5 bilion pinjaman. SJLT menyumbangkan sebanyak 2,411 pinjaman bernilai RM1,485.1 juta dan ENHANCER menyumbangkan sebanyak 2,431 pinjaman bernilai RM971.6 juta.



Pinjaman Diluluskan

Tahun	2006		2007	
	Bil.	Nilai (RM juta)	Bil.	Nilai (RM juta)
SKIM UTAMA	6,191	2,507.4	6,914	2,819.3
SJUB	3,298	1,204.2	632	242.5
ENHANCER	9	1.1	2,431	971.6
SJUK	659	24.5	1,312	45.5
SJPI	91	63.3	128	74.6
SJLT	2,110	1,204.3	2,390	1,468.6
SJLT <i>i</i>	24	10.0	13	9.5
DAGS Start-Up	-	-	7	5.9
SJBT	-	-	1	1.1
SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM	1,332	512.1	6,090	1,147.2
SJA	1,329	511.1	1,731	695.3
SPF	3	1.0	2	0.9
KJK-2	-	-	4,357	451.0
PENSEKURITIAN	-	-	-	600.0
JUMLAH	7,523	3,019.5	13,004	4,566.5

CGC secara kumulatifnya telah menjamin sebanyak 378,450 pinjaman bernilai RM38.8 bilion semenjak ditubuhkan pada tahun 1972.

Tinjauan Operasi

Tinjauan operasi menunjukkan bilangan pinjaman dan nilai yang dijamin di bawah skim-skim Utama dan skim-skim Pembiayaan Berprogram.

1. Arah Pinjaman

Sektor perniagaan am, perkilangan dan pertanian terus menjadi tiga sektor utama yang memperolehi manfaat daripada pinjaman CGC di bawah jaminan pelbagai skim jaminannya. Sektor perniagaan am mencatatkan sebanyak 5,510 pinjaman bernilai RM2.2 bilion (2006: 6,129 pinjaman bernilai RM2.3 bilion) diikuti oleh sektor pembuatan dengan jumlah pinjaman sebanyak 1,049 bernilai RM600.7 juta (2006: 1,315 pinjaman bernilai RM680.3 juta) dan sektor pertanian mencatatkan sebanyak 129 pinjaman bernilai RM51.8 juta (2006: 72 pinjaman bernilai RM37.6 juta).

2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Negeri Selangor terus menjadi negeri yang memperolehi manfaat terbanyak dengan kadar 23.1% daripada keseluruhan jaminan pinjaman iaitu sebanyak 1,549 pinjaman bernilai RM736.6 juta. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah kelulusan pinjaman kedua tertinggi dengan 914 pinjaman bernilai RM448.0 juta, mewakili 13.6% daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dijamin di bawah skim-skim utama bagi sepanjang tahun. Negeri Perak mencatatkan jumlah kelulusan pinjaman ketiga tertinggi iaitu pada kadar 10.7% mewakili 719 pinjaman bernilai RM191.3 juta.

3. Pinjaman Mengikut Kaum

CGC telah menjamin pinjaman kepada semua komuniti peniaga bagi semua bangsa di Malaysia. Pinjaman yang telah dijamin untuk usahawan Bumiputera masing-masing mencatatkan 24.1% dan 19.9% dari segi jumlah pinjaman dan nilai jaminan. Usahawan Cina mencatatkan 71.9% dan 76.1% dari segi jumlah dan nilai pinjaman manakala usahawan India dan kaum lain mencatatkan 4.0% dari kedua-dua segi iaitu jumlah dan nilai pinjaman.

Bangsa	Jumlah Pinjaman	Nilai (RM juta)
Bumiputera	3,133	788.4
Cina	9,354	3,019.6
India	469	132.6
lain-lain	48	25.9
Jumlah	13,004	3,966.5

Di bawah kategori Skim Pembiayaan Berprogram, usahawan Bumiputera mencatatkan 28.2% (1,776 pemohon) daripada jumlah keseluruhan pinjaman diluluskan dan 17.5% (RM201.3 juta) dari segi nilai. Usahawan Cina masing-masing mencatatkan 69.7% (4,388 pemohon) dan 81.0% (RM931.4 juta) dari segi jumlah dan nilai pinjaman manakala usahawan India dan kaum lain mencatatkan 2.1% (135 pemohon) dari segi jumlah pinjaman dan 1.5% (RM17.2 juta) dari segi nilai pinjaman.

4. Pinjaman Mengikut Saiz

Pinjaman mengikut saiz bagi jumlah pinjaman yang diluluskan untuk dua skim utama adalah seperti berikut:

Bil.	Skim	Kurang daripada RM100,000	RM100,001- RM250,000	RM250,001- RM500,000	RM500,001- RM1,000,000	Lebih daripada RM1,000,000
1	SJLT	217	539	710	574	371
2	ENHANCER/ SJUB	752	957	743	415	196

Pinjaman mengikut saiz bagi nilai pinjaman yang diluluskan untuk dua skim utama adalah seperti berikut:

Bil.	Skim	Kurang daripada RM100,000	RM100,001- RM250,000	RM250,001- RM500,000	RM500,001- RM1,000,000	Lebih daripada RM1,000,000
1	SJLT (RM juta)	17.6	104.9	281.7	457.6	623.3
2	ENHANCER / SJUB (RM juta)	61.3	173.5	283.7	305.2	390.4

SJLT mencatatkan sejumlah 2,411 permohonan jaminan pinjaman pada tahun 2007 [2006: 2,134 permohonan] bernilai RM1.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, bilangan permohonan tertinggi adalah daripada lingkungan pinjaman antara RM250,001- RM500,000 (710 permohonan).

Dari segi nilai pinjaman, ENHANCER / SJUB memberikan sumbangan kedua tertinggi sebanyak 3,063 pinjaman bernilai RM1.2 bilion. Bagi skim ini, bilangan permohonan tertinggi adalah daripada lingkungan pinjaman RM100,001-RM250,000 (957 permohonan). Walaupun skim ENHANCER / SJUB ini mencatatkan kedudukan kedua dari segi nilai pinjaman, namun kedua-dua skim ini mencatatkan sumbangan yang tertinggi dari segi bilangan pinjaman yang diluluskan.

Sorotan Kewangan

Yuran jaminan dan perolehan daripada pelaburan merupakan dua pendapatan utama kepada perolehan CGC. Kedua-duanya memberikan sumbangan besar kepada perolehan dalam tahun 2007 berbanding dengan tahun 2006. Yuran jaminan mencatatkan kadar pertumbuhan pada 14.9% dan pendapatan pelaburan adalah 11.7%. Pendapatan daripada yuran jaminan meningkat kepada RM111.2 juta pada tahun 2007 (2006: RM96.7 juta). Pendapatan daripada pelaburan juga meningkat kepada RM164.1 juta (2006: RM146.9 juta).

Perbelanjaan operasi adalah agak tinggi bagi tahun 2007, meningkat kepada RM270.7 juta daripada RM162.7 juta pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan oleh peruntukan yang meningkat terhadap pinjaman gagal berjumlah RM107.2 juta. Kesannya, CGC mencatatkan keuntungan bersih sebelum dipindahkan ke rizab berjumlah RM42.7 juta pada tahun 2007.

Penentuan tanggungan terhadap pinjaman yang dijamin oleh CGC adalah berdasarkan kepada semakan ke atas pinjaman gagal yang dilaporkan oleh institusi-institusi kewangan. Oleh itu, CGC telah menyediakan peruntukan sebanyak RM239.3 juta (2006: RM113.9 juta).



Pada 31 Disember 2007, jumlah peruntukan untuk memenuhi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC telah menurun kepada RM338.1 juta berbanding dengan RM357.9 juta pada tahun 2006.

CGC terus menyelesaikan tanggungan ke atas pinjaman-pinjaman lapuk yang dituntut oleh institusi-institusi kewangan. Pada tahun 2007, sebanyak 3,296 tuntutan telah dibuat bernilai RM842.5 juta. Pada tempoh yang sama, sejumlah 3,597 tuntutan bernilai RM867.2 juta telah diproses yang mana sejumlah 2,002 tuntutan bernilai RM469.5 juta telah diluluskan.

Pada tahun 2007, CGC telah berjaya memperolehi perolehan sebanyak RM32.3 juta daripada jumlah tuntutan yang telah dibayar. Secara keseluruhan, CGC telah berjaya memperolehi sebanyak RM185.3 juta daripada jumlah keseluruhan kemungkinan perolehan berjumlah RM318.9 juta. Kadar jumlah perolehan semula sehingga akhir tahun 2007 telah meningkat kepada 36.8% (2006: 28.7%). Sementara itu, CGC telah meluluskan sejumlah 1,298 akaun bagi tujuan subrogasi, bernilai RM610.9 juta dari segi nilai pinjaman di bawah SJLT dan 196 akaun (RM33.1 juta) bagi PROSPER dan 10 akaun (RM6.1 juta) bagi pinjaman bukan-SJLT.

Kegiatan-kegiatan Sokongan

Sejajar dengan tema tahunan iaitu "Peluasan Jangkauan PKS" dengan mengembangkan pelbagai produk dan perkhidmatan, CGC telah melaksanakan pelbagai program kesedaran untuk orang ramai bagi menghebahkan maklumat berkaitan produk dan perkhidmatannya. Pada tahun 2007, CGC telah mengambil bahagian di dalam 23 pameran yang berkaitan dengan PKS dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta termasuklah pameran yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD). Langkah ini menjadikan kehadiran CGC semakin menonjol sebagai sebuah institusi pemangkin kredit yang terulung bagi PKS di negara ini.

CGC juga turut mengambil bahagian dalam pameran bergerak "Sesi Bertemu Masyarakat" di Melaka anjuran Bank Negara Malaysia. Pameran bergerak ini bermatlamat untuk meningkatkan kefahaman dan persepsi masyarakat umum terhadap Bank Negara Malaysia dan agensi-agensinya. CGC mengambil peluang ini untuk meluaskan jangkauannya kepada komuniti peniaga-peniaga setempat dan masyarakat umum dengan berkongsi maklumat berkaitan dengan skim-skim jaminan kredit dan bagaimana ianya dapat membantu PKS khususnya bagi memudahkan mereka memperoleh akses pembiayaan. CGC juga turut terlibat sama di dalam sesi perbincangan panel yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia, dengan memberikan perhatian kepada persepsi masyarakat dan masalah-masalah yang sering mereka hadapi semasa berurusan dengan agensi-agensi.

Pada Januari 2007, CGC menyahut seruan kerajaan untuk memberikan bantuan kewangan kepada komuniti peniaga di seluruh negara yang menjadi mangsa banjir besar yang memusnahkan perniagaan dan kehidupan mereka.

"Di bawah Kemudahan Jaminan Khas - 2 (KJK-2) yang diwujudkan oleh kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM500 juta, CGC telah memberikan jaminan kredit tanpa syarat sehingga 80% bagi pinjaman yang diagihkan kepada usahawan-usahawan yang terjejas."

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kesedaran umum terhadap CGC, pelbagai siri latihan telah dijalankan untuk pegawai-pegawai perbankan yang bukan hanya menumpukan kepada produk dan perkhidmatan terkini CGC, malah juga terhadap perkara-perkara berkaitan pengurusan dan permohonan pinjaman. Sesi latihan ini adalah bermatlamat untuk menambahkan pemahaman para pegawai bank berkaitan dengan tatacara pemerosesan permohonan pinjaman oleh CGC. Latihan ini dihadiri oleh kakitangan daripada pelbagai institusi kewangan.

Satu lagi aktiviti sokongan yang seumpamanya adalah dengan mewujudkan "ERF Help Desk" iaitu suatu inisiatif bersama dengan ERF Sdn. Bhd., sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia. "ERF Help Desk" ini diwujudkan di beberapa cawangan CGC yang terpilih bagi membantu komuniti usahawan Bumiputera memperoleh akses pembiayaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Bagi membantu perniagaan PKS yang baru ditubuhkan memperoleh kejayaan, CGC telah mewujudkan khidmat nasihat dan pemantauan melalui DAGS Start-Up iaitu satu produk baru yang dilancarkan pada Oktober 2007.

Di bawah rancangan tersebut, "Business Advisory Services Entities" (BASE) dilantik oleh CGC untuk memberikan khidmat nasihat dan pemantauan sehingga ke suatu tempoh masa tertentu bagi memastikan perniagaan yang baru dibangunkan itu berjalan lancar dan diurus dengan cekap pada masa awal perniagaannya. Di samping itu juga, CGC juga telah melantik tiga perunding baru BASE di Sabah dan Sarawak bagi membantu PKS di wilayah berkenaan.

Strategi Pertumbuhan Dan Halatuju

Walaupun ekonomi dunia dijangka merosot, namun KNK Malaysia dijangka akan terus kukuh dan mencapai kadar jangkauan pertumbuhan antara 5-6% pada tahun 2008. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor terutamanya kemunculan permintaan domestik yang kukuh serta kedudukan Malaysia sebagai pengeluar komoditi bagi minyak mentah, minyak kelapa sawit dan getah. Langkah-langkah seperti penurunan kadar cukai korporat (26% pada tahun 2008 dan 25% pada tahun 2009) dan pelancaran koridor-koridor baru ekonomi seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) diramal akan dapat meningkatkan persekitaran perniagaan.

Dengan jangkauan ekonomi negara yang baik, CGC terus yakin untuk mencapai sasaran pertumbuhan pinjamannya memandangkan permintaan daripada PKS dijangka akan tetap kukuh pada tahun 2008.



“Kami percaya bahawa dengan keupayaan dan inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti serta pengembangan pelbagai produk dan perkhidmatan semenjak dua tahun lepas telah memberikan asas yang kukuh terhadap kedudukan CGC bagi menghadapi sebarang cabaran ekonomi serta mencapai kekukuhan kewangan seperti yang direncanakan di dalam Rancangan Pembaharuan Perniagaan tiga tahunnya.”

Pada tahun terakhir pembaharuan ini, kami akan lebih menumpukan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif sasaran sebagai persediaan CGC untuk memikul peranan baru dan yang dipertingkatkan sebagai institusi yang kukuh dari segi kewangannya.

Penambahbaikan Pinjaman Berkualiti

Pada tahun 2008, kami merancang untuk memperbaiki proses dalaman supaya dapat menguruskan kualiti pinjaman dengan lebih baik. Bagi menambahbaik usaha-usaha pemantauan pinjaman, CGC telah menambahbaik beberapa fungsi pemantauan bagi pinjaman yang baru dikeluarkan dan untuk mengesan tanda-tanda amaran awal. Seajar dengan amalan tadbir urus yang baik, CGC terus melakukan penyemakan terhadap polisi-polisi dan proses-proses kreditnya bagi memastikan kesemuanya berada dalam tahap kredit yang sewajarnya. CGC kini baru memulakan pelaksanaan model penilaian kredit yang baru dan teguh seajar dengan BASEL II. CGC juga meletakkan kepentingan terhadap kualiti pinjaman yang ditekankan kepada semua kakitangan melalui pelbagai latihan yang berterusan dan akreditasi pegawai-pegawai kreditnya.

Pembangunan Produk Dan Perkhidmatan Baru Dan Inovatif

Untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada PKS dan meluaskan jangkauannya, CGC akan terus mempelbagaikan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan khusus sektor-sektor sasaran. Seajar dengan seruan kerajaan untuk memajukan perniagaan-perniagaan mikro di negara ini, CGC bekerjasama erat dengan beberapa institusi kewangan untuk memberikan jaminan bagi pembiayaan mikro. CGC juga sedang mengusahakan satu cadangan untuk memberi jaminan berdasarkan pinjaman secara portfolio. Modus operandi yang dipermudahkan melalui jaminan secara portfolio adalah untuk mempercepatkan proses kelulusan pinjaman. Pensukritian pinjaman PKS akan terus menjadi cara alternatif kepada PKS untuk memperolehi pembiayaan pada kos yang rendah melalui pasaran modal. CGC kini mengadakan perbincangan dengan sebuah institusi kewangan untuk melaksanakan saluran alternatif berkenaan.

Di samping menawarkan pelbagai produk baru dan berinovatif serta mewujudkan sumber pembiayaan alternatif, CGC juga telah berusaha menyelesaikan satu isu besar yang dihadapi oleh PKS, iaitu ketiadaan pusat setempat bagi maklumat kredit PKS yang komprehensif. CGC telah bekerjasama dengan Dun & Bradstreet (D&B) Malaysia Sdn. Bhd. bagi mewujudkan Biro Kredit PKS yang pertama di negara ini. Biro ini mengumpulkan maklumat PKS daripada pelbagai sumber dan menawarkan maklumat PKS dengan mudah, cepat dan berkesan serta penilaian kredit kepada ahli-ahli Biro dan pembiaya-pembiaya kredit. Biro ini dijadual akan ditubuhkan pada suku kedua tahun 2008.

“Walaupun matlamat utama kami adalah untuk menjadi kukuh dari segi kewangan, CGC akan terus menumpukan kepada peranan utamanya sebagai pendokong utama pembangunan PKS di negara ini.”

Dengan sokongan dan kerjasama berterusan daripada pihak yang berkepentingan khususnya Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, institusi-institusi kewangan dan komuniti PKS, CGC akan terus menjadi fasilitator utama dalam pembiayaan PKS dan pertumbuhannya. Pengalaman kami selama 36 tahun dalam membantu pembangunan dan pertumbuhan PKS menunjukkan keupayaan dan kapasiti kami untuk lebih membantu sektor berkenaan berkembang dan memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kami kini telah berjaya membangunkan lebih daripada 378,000 PKS dan kami akan terus memberikan bantuan kepada lebih banyak PKS pada masa hadapan. Dengan sokongan penuh daripada pihak-pihak berkepentingan termasuklah aset utama CGC iaitu para warga kerjanya, kami dapat melaksanakan peranan ini dengan lebih berkesan dan cekap.




Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

Sorotan Operasi


Bilangan dan Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim

Tahun	2003	2004	2005	2006	2007
Bilangan	340,904	349,356	357,923	365,446	378,450
Nilai (RM bilion)	24.9	27.9	31.2	34.2	38.8

Bilangan Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim




Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim



Pinjaman Dijamin (Mengikut Bilangan dan Nilai) di bawah Semua Skim


Tahun	2003	2004	2005	2006	2007
Bilangan	8,090	8,452	8,567	7,523	13,004
Nilai (RM juta)	2,683.58	3,007.60	3,309.64	3,019.46	3,966.40




Taburan Saiz Pinjaman di bawah Semua Skim

Taburan Saiz Pinjaman (RM)	Bil.	%	Nilai (RM Juta)	%
1,000 - 100,000	5,692	43.8	282.23	7.1
100,001 - 250,000	2,882	22.1	531.82	13.4
250,001 - 500,000	2,496	19.2	973.95	24.6
500,001 - 1,000,000	1,269	9.8	973.82	24.5
1,000,001 - 10,000,000	665	5.1	1,204.58	30.4
Jumlah	13,004	100.0	3,966.40	100.0

Saiz Pinjaman Mengikut Bilangan




Saiz Pinjaman Mengikut Nilai



- RM 1,000 - 100,000
- RM 100,001 - 250,000
- RM 250,001 - 500,000
- RM 500,001 - 1,000,000
- RM 1,000,001 - 10,000,000


Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Utama (Mengikut Nilai Pinjaman)

Skim-skim Utama	%	Nilai (RM juta)
Bumiputera	21.3	598.39
Bukan Bumiputera	78.7	2,214.65
Jumlah	100.0	2,813.04



Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Pembiayaan Berprogram (Mengikut Nilai Pinjaman)

Skim-skim Pembiayaan Berprogram	%	Nilai (RM juta)
Bumiputera	17.6	203.30
Bukan Bumiputera	82.4	950.06
Jumlah	100.0	1,153.36



Pengurusan Perhubungan Pelanggan

Setelah diberikan mandat bagi menyokong perkembangan sektor PKS, CGC sebagai institusi pemangkin kredit terulung di negara ini sentiasa berusaha memenuhi keperluan pembiayaan PKS. Para pelanggan kami merupakan teras perniagaan seperti yang tertera di dalam misi dan visi CGC yang mengutamakan perkhidmatan perhubungan pelanggan yang cekap. Justeru, CGC sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuannya dalam memberikan khidmat pelanggan yang berkualiti tinggi dan ditambahbaik di samping menawarkan pelbagai pilihan produk dan perkhidmatan kepada PKS.

Salah satu contohnya adalah pengembangan BASE, iaitu sebuah entiti yang memberi khidmat nasihat profesional kepada PKS. Pada tahun 2007, CGC berjaya menambahkan tiga ahli panel lagi di Sabah dan Sarawak bagi memenuhi permintaan khidmat nasihat perniagaan di kalangan PKS yang kian meningkat di wilayah tersebut. Dengan penambahan ini, BASE kini mempunyai sejumlah lapan panel perunding yang dilantik oleh CGC untuk membantu PKS dalam penyediaan perancangan perniagaan serta dokumentasi pinjaman. CGC juga merancang untuk menambah jumlah panel BASE di lokasi-lokasi strategik lain di seluruh negara sejajar dengan pengembangan dan peningkatan jangkauan PKS oleh CGC.



Bagi memastikan kepuasan pelanggan, CGC telah menggunakan perkhidmatan BASE untuk salah satu skim jaminannya iaitu Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) – “Start Up”. Skim ini telah dilancarkan pada suku ketiga tahun 2007 bertujuan untuk menyediakan sokongan kepada perniagaan baru yang mempunyai perancangan perniagaan yang berdaya maju. Selain memberi khidmat perlindungan jaminan, khidmat lain yang diberikan adalah nasihat kewangan dan pemantauan prestasi yang merupakan aspek-aspek penting bagi sesebuah perniagaan yang baru bertapak. Perkhidmatan tersebut diberikan pada peringkat awal jaminan bagi memastikan perniagaan itu berjaya.

Satu lagi pencapaian penting bagi CGC dalam memberi khidmat pelanggan yang bertaraf tinggi adalah pelaksanaan Sistem KASTLE iaitu sebuah sistem jaringan-web yang memastikan penjejakan rapi status permohonan, bermula dari proses permohonan hingga ke pengeluaran pinjaman oleh institusi kewangan. Bagi pelanggan, ini bermakna pemprosesan pinjaman akan menjadi lebih cepat serta perkhidmatan yang cekap. CGC juga telah menambahbaik sistem-sistem dalaman bagi memperbaiki proses-proses dalaman, dan hasilnya adalah perkhidmatan pelanggan yang lebih cekap serta berkesan.

CGC telah menyertai dan menjalankan pelbagai aktiviti promosi dalam usaha meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatannya. Pada tahun 2007, CGC turut serta di dalam pameran-pameran dan menganjurkan bengkel-bengkel serta seminar di seluruh negara bagi masyarakat umum khususnya golongan PKS dan institusi-institusi kewangan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan usaha penting dalam mendidik masyarakat bukan sahaja berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CGC, tetapi juga peranan CGC dalam membantu PKS mendapat akses kewangan.

Dalam usaha melatih pegawai-pegawai CGC memberi pengalaman khidmat pelanggan yang memuaskan, CGC dengan kerjasama pihak Bank Negara Malaysia telah menganjurkan Sesi Jalinan Pengetahuan Bersama Penasihat-Penasihat Perniagaan PKS. Sesi seperti ini merupakan platform bagi agensi-agensi kerajaan, bank-bank dan institusi-institusi pembangunan kewangan untuk berkongsi perkembangan terkini berkaitan produk-produk dan perkhidmatan masing-masing. Justeru itu, para pegawai dapat membantu pelanggan-pelanggan bukan sekadar produk dan perkhidmatan mereka sendiri, malah mereka mampu memberi penerangan tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan agensi-agensi lain.

“CGC memahami akan kepentingan untuk melengkapkan warga kerjanya dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam pengurusan perhubungan pelanggan yang berkesan dan cekap”

Oleh itu, CGC memastikan bahawa pihak pelanggan dalaman, iaitu warga kerjanya diberikan sokongan yang kukuh dan pengiktirafan yang setimpal di atas sumbangan mereka kepada CGC dari segi memenuhi kehendak pelanggan dan mencapai objektif CGC.

Sorotan Peristiwa

CGC telah mengadakan pelbagai aktiviti pada tahun 2007 sejajar dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif utama untuk menjayakan Rancangan Pembaharuan Perniagaan untuk tiga tahun. Pelaksanaan rancangan pembaharuan tersebut telah menghasilkan kejayaan pada tahun ini setelah CGC berjaya meluaskan jangkauan maklumat kepada PKS melalui usahasama strategik dengan institusi sokongan PKS dari dalam dan luar negara.

Sejajar dengan tema strategik tahun ini iaitu "Peluasan Jangkauan PKS", produk-produk jaminan dan perkhidmatan yang baru serta berinovatif telah diperkenalkan. Ianya merangkumi perluasan skop jaminan kepada institusi-institusi perbankan Islam dan kewangan pembangunan, pembiayaan ekuiti, pensukrutan pinjaman PKS dan khidmat maklumat kredit. Berikut adalah senarai sorotan peristiwa pada tahun 2007:

Perasmian Jalinan Usahasama Dengan Institusi-institusi Kewangan Islam



Dalam usaha memperluaskan jangkauan kepada PKS, CGC telah menjalinkan usahasama strategik dengan lapan institusi kewangan Islam pada bulan Februari 2007. CGC telah mengambil inisiatif ini bagi memenuhi permintaan yang meningkat ke atas sumber kewangan alternatif bagi PKS khususnya skim yang berlandaskan Sya'riah.

Lapan institusi kewangan Islam yang terlibat adalah Affin

Islamic Bank Berhad, Amlslam Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, EONCAP Islamic Bank Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut dirasmikan oleh Y.Bhg.Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia.

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Dengan Bank Pertanian Malaysia

CGC dan Bank Pertanian Malaysia telah mengadakan jalinan kerjasama strategik bertujuan membantu PKS yang terlibat dengan industri berasaskan pertanian mendapatkan sumber kewangan serta khidmat nasihat yang bersesuaian. Usaha ini selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan sektor pertanian seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Usahasama ini juga merupakan komitmen CGC bagi membantu institusi kewangan pembangunan dalam menawarkan bantuan kewangan kepada PKS, justeru meningkatkan jangkauan CGC kepada PKS.



Anugerah Pendokong Utama PKS Ke-12



Sempena Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-34 pada 21 Mei 2007, CGC telah mengadakan majlis anugerah Pendukung Utama PKS kali ke-12. Lima buah institusi kewangan yang terbaik telah dipilih berdasarkan sumbangan besar mereka dalam usaha membangunkan PKS pada tahun 2007. Bank-bank tempatan yang dianugerahkan ialah Maybank, Public Bank, CIMB Bank dan RHB Bank. OCBC Bank telah muncul sekali lagi sebagai penerima anugerah Pendukung Utama bagi kategori bank asing.

Pelancaran Pinjaman Penssekuritan Sintetik PKS



CGC mencipta sejarah dengan melancarkan penssekuritan sintetik ke atas pinjaman PKS yang pertama di Malaysia. Peristiwa bersejarah ini diadakan pada Mei 2007 merupakan kemunculan pertama CGC di dalam pasaran modal tempatan. Penglibatan CGC dalam usaha ini mencerminkan komitmennya dalam menambahkan pendekatan dan langkah-langkah bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS.

Pelancaran rasmi pinjaman penssekuritan sintetik PKS berjumlah RM600 juta dari Maybank merupakan pencapaian yang penting kerana ianya telah menjadi penanda baru bagi negara. Pihak-pihak lain yang terlibat dengan program ini adalah Cagamas Berhad, Aseambankers Malaysia Berhad dan Citibank Berhad.

Majlis Menandatangani Pakatan Strategik Dengan Dun & Bradstreet (D&B) Malaysia Sdn. Bhd.

CGC telah mengadakan usahasama strategik dengan Dun and Bradstreet (D&B) Malaysia Sdn. Bhd. untuk menubuhkan Biro Kredit PKS yang pertama di Malaysia. Kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian persefahaman pada 3 Julai 2007 disaksikan oleh Y.Bhg. Dato' Zamani Abdul Ghani, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia.

Biro Kredit PKS ini akan berfungsi sebagai pusat pangkalan data serta menjadi sumber informasi utama PKS, berkaitan dengan butir-butir pendaftaran, rekod prestasi kewangan, rekod hutang dan pembayaran balik, penyata kewangan dan rakan-rakan niaga PKS berkenaan.



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Dengan ERF Sdn. Bhd.

CGC telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan ERF Sdn. Bhd., iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia bertujuan untuk menubuhkan "Khidmat Bantuan ERF". Perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan ERF kepada usahawan-usahawan Bumiputera. "Khidmat Bantuan ERF" berfungsi untuk menangani semua persoalan berkaitan program pembiayaan dan perkhidmatan ERF. Perkhidmatan ini diwujudkan di cawangan-cawangan CGC yang terpilih sahaja di seluruh negara. Dengan perkhidmatan ini, usahawan-usahawan Bumiputera dapat memperolehi akses yang dipertingkatkan ke atas pembiayaan kredit yang disediakan oleh ERF.

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Dengan Bank Rakyat

Pada Julai 2007, CGC menjalinkan usahasama strategik dengan Bank Rakyat untuk meluaskan jangkauan PKS melalui lebih daripada 100 buah cawangan Bank Rakyat di seluruh negara. Usahasama ini juga bermakna pihak PKS dapat menikmati satu lagi saluran baru bagi mendapatkan pembiayaan perniagaan masing-masing.

Usahasama ini melambangkan komitmen CGC untuk mengembang dan meningkatkan jangkauannya kepada golongan PKS serta sektor-sektor yang kurang mendapat sokongan, tetapi penting kepada pembangunan ekonomi negara.

Usahasama Antarabangsa Dengan KfW Bankengruppe Dari Jerman

Pada September 2007, sesi latihan teknikal khas telah dianjurkan oleh KfW Bankengruppe dari Jerman kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan CGC. Sesi ini adalah hasil daripada perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada tahun 2006, di mana KfW telah bersetuju untuk memberi sokongan teknikal kepada CGC.



Laporan Pengarah

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan CGC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31hb Disember, 2007.

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama CGC ialah memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan yang menjadi ahli CGC di bawah Skim-skim berikut:-

- Skim Pembiayaan Francais (SPF);
- Skim Jaminan Anjal (SJA);
- Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT);
- Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK);
- Skim Perbankan Islam (SPI);
- Skim Jaminan Laluan Terus Islam (SJLT-i);
- Skim Jaminan Bank Terus (SJBK);
- Skim Kredit "Enhancer" (ENHANCER);
- Skim Kredit "Enhancer" Islam (ENHANCER-i); dan
- Skim Jaminan Laluan Terus "Start-Up" (SJLT Start-Up).

Tiada terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan CGC sepanjang tahun ini.

Skim berikut telah ditamatkan, tapi masih belum dilupuskan:-

- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) (ditamatkan sejak Mei 1999);
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (ditamatkan sejak Ogos 1998);
- Tabung Usahawan Kecil (TUK) (ditamatkan sejak Januari 2000);
- Tabung Ekonomi Belia (TEB) (ditamatkan sejak Julai 1998);
- Skim Program Jaminan Usahawan (SPJU) (ditamatkan sejak November 2000);
- Skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) (ditamatkan sejak Julai 2004); dan
- Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) (ditamatkan sejak Mac 2007).

2. HASIL

	RM
Untung bersih bagi tahun	<u>42,699,871</u>

3. DIVIDEN

Sehingga tahun kewangan yang lepas, CGC tidak mengisytiharkan atau membayar sebarang bayaran dividen.

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran untuk dividen bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 2007.

4. RIZAB DAN PERUNTUKAN

(a) Rizab

Para pengarah telah mencadangkan pindahan sebanyak RM58,587,887 dari keuntungan pada tahun ini ke rizab-rizab berikut:-

	RM
Rizab Khas	36,776,104
Rizab Program Khas	21,425,442
Rizab SPI	386,341
	<u>58,587,887</u>

(b) Peruntukan untuk tuntutan-tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Bagi tahun ini, peruntukan kepada tuntutan yang mungkin dibuat ke atas CGC sebanyak RM220,995,355 telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

5. HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan CGC disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau peruntukan yang disediakan bagi hutang ragu yang tidak mencukupi.

6. ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan CGC disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa CGC, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa CGC di dalam penyata kewangan mengelirukan.

7. CARA MENILAI

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud bersangkutan dengan cara menilai harta atau tanggungan CGC yang boleh mengelirukan atau tidak sesuai.

8. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-

- (a) sebarang gadaian ke atas harta CGC sejak 31hb Disember, 2007 untuk menjamin tanggungan orang lain; dan
- (b) apa-apa tanggungan luarjangka ke atas CGC sejak 31hb Disember, 2007.

Tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan CGC yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31hb Disember, 2007 yang mana, mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan CGC dalam memenuhi tanggungannya apabila tiba masanya.

9. PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

10. PERKARA-PERKARA YANG LUAR BIASA

Mengikut pendapat para pengarah:-

- (a) hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 2007 tidak terjejas dengan banyak oleh sebarang butiran, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa; dan
- (b) tidak ada butiran, urusniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit dari 31hb Disember, 2007 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

11. PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah CGC yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Dato' Zamani Abdul Ghani - Pengerusi
Datuk Wan Azhar Wan Ahmad - Pengarah Urusan
Encik Md. Yusof Hussin
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed
Datuk P. Kasi
Dato' Tan Yew Thong
Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz
Puan Zaiton Mohd Hassan
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz

Tidak ada pengarah yang memiliki saham CGC sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Dato' Tan Yew Thong, Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz dan Puan Zaiton Mohd Hassan bersara berdasarkan Fasal 76A dan 76B Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan dan, dengan itu layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

12.FAEDAH PENGARAH

Sejak tahun kewangan yang berakhir, tidak ada pengarah CGC yang telah menerima atau layak menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak diterima oleh pengarah-pengarah seperti yang tertera di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa CGC) mengikut kontrak yang dibuat oleh CGC dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Sepanjang tahun dan pada penghujung tahun kewangan ini, CGC tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperolehi kepentingan melalui perolehan saham atau debentur CGC atau di dalam syarikat lain.

13.JURUAUDIT

Salleh, Leong, Azlan & Co telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' ZAMANI ABDUL GHANI
Pengerusi



MD. YUSOF HUSSIN
Pengarah

Kuala Lumpur,
Tarikh: 25hb April, 2008

Kunci Kira-kira Pada 31hb Disember, 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
ASET-ASET			
Aset Jangka Panjang			
Harta tanah, loji dan peralatan	7	34,451,695	33,745,963
Prabayar bayaran tanah pajakan	8	2,971,272	3,006,263
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	9	200,739	-
Dana Pelaburan Asing	10	1,054,966	-
		38,678,672	36,752,226
Aset-aset Semasa			
Yuran akan diterima		27,430,968	19,494,749
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	11	3,010,397	-
Penghutang-penghutang lain		8,534,619	4,982,606
Pinjaman dan pendahuluan	12	187,070,510	221,584,357
Sekuriti pelaburan dan faedah akan diterima	13	262,823,752	263,721,241
Simpanan tetap dan faedah akan diterima	14	4,140,389,549	4,095,687,289
Wang tunai dan baki dalam bank		4,999,736	7,461,728
		4,634,259,531	4,612,931,970
JUMLAH ASET-ASET		4,672,938,203	4,649,684,196
EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI			
Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang-pemegang Ekuiti			
Modal Saham	15	1,635,600,000	1,635,600,000
Rizab-rizab	16	740,810,082	698,110,211
JUMLAH EKUITI		2,376,410,082	2,333,710,211
Liabiliti-liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	17	650,000,000	650,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	18	20,000,000	30,000,000
Tabung Usahawan Kecil	19	-	50,000,000
Skim Jaminan Usahawan Kecil	20	79,000,000	79,000,000
		749,000,000	809,000,000
Liabiliti-liabiliti Semasa			
Tuntutan-tuntutan Pemiutang		34,298,179	39,988,831
Pemiutang-pemiutang lain		75,138,347	59,082,660
Dana-dana Kerajaan	21	300,000,000	300,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	17	300,000,000	300,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	18	10,000,000	10,000,000
Tabung Usahawan Kecil	19	490,000,000	440,000,000
Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	22	338,091,595	357,902,494
		1,547,528,121	1,506,973,985
JUMLAH LIABILITI-LIABILITI		2,296,528,121	2,315,973,985
JUMLAH EKUITI & LIABILITI-LIABILITI		4,672,938,203	4,649,684,196

Nota-nota di muka surat 150 hingga 183 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
HASIL	27	275,238,904	243,612,487
PELBAGAI PENDAPATAN KENDALIAN		38,167,477	38,350,465
		313,406,381	281,962,952
PERBELANJAAN KEBAJIKAN PEKERJA		(22,670,122)	(20,835,866)
SUSUTNILAI	7	(4,138,377)	(5,265,514)
PELUPUSAN PRABAYAR BAYARAN TANAH PAJAKAN	8	(34,991)	(200,418)
PERUNTUKAN TUNTUTAN		(220,995,355)	(113,792,862)
FAEDAH KE ATAS PINJAMAN KERAJAAN		(12,375,000)	(12,375,000)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		(10,493,404)	(10,262,688)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		(270,707,249)	(162,732,348)
PERKONGSIAN HASIL KEUNTUNGAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU		739	-
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN	28	42,699,871	119,230,604

Nota-nota di muka surat 150 hingga 183 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2007

	Modal Saham Biasa RM	Modal Saham Keutamaan RM	Rizab Khas RM	Rizab Program Khas RM	Rizab SPI RM	Untung Tersimpan RM	Jumlah RM
Baki pada 1hb Januari, 2006	1,435,600,000	200,000,000	37,954,413	112,710,891	32,724,531	395,489,772	2,214,479,607
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	119,230,604	119,230,604
Pindahan-pindahan	-	-	41,647,613	15,587,526	(518,795)	(56,716,344)	-
Baki pada 31hb Disember, 2006	1,435,600,000	200,000,000	79,602,026	128,298,417	32,205,736	458,004,032	2,333,710,211
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	42,699,871	42,699,871
Pindahan-pindahan	-	-	36,776,104	21,425,442	386,341	(58,587,887)	-
Baki pada 31hb Disember, 2007	1,435,600,000	200,000,000	116,378,130	149,723,859	32,592,077	442,116,016	2,376,410,082

Nota-nota di muka surat 150 hingga 183 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2007

	2007 RM	2006 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PENGENDALIAN		
Untung bersih bagi tahun	42,699,871	119,230,604
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	4,138,377	5,265,514
Pelupusan prabayar bayaran tanah pajakan	34,991	200,418
Peruntukan tuntutan	220,995,355	113,792,862
Kos pelupusan terkumpul ke atas bon-bon pelaburan	83,748	948,406
Perkongsian hasil keuntungan dari pelaburan dalam syarikat bersekutu	(739)	-
Untung atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	(3,040)	(209,998)
Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan	267,948,563	239,227,806
Tambahan dalam yuran akan diterima	(7,936,219)	(7,906,696)
Tambahan faedah akan diterima	(2,823,863)	(29,066,776)
(Tambahan)/kurangan penghutang- penghutang lain	(3,552,013)	742,679
Kurangan pinjaman dan pendahuluan	34,513,847	104,804,747
Tambahan dalam jumlah belum berbayar dari Bank Negara Malaysia	(3,010,397)	-
Tambahan lain-lain pemiutang	16,055,687	14,937,471
Tambahan/(Kurangan) tuntutan-tuntutan pemiutang	1,841,149	(7,526,205)
Wang tunai yang dihasilkan dari pengendalian	303,036,754	315,213,026
Pembayaran tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	(248,338,055)	(174,415,285)
Wang tunai bersih yang dihasilkan dari kegiatan pengendalian	54,698,699	140,797,741
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Perolehan dari sekuriti pelaburan matang	45,703,799	45,152,740
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(200,000)	-
Perolehan dari penjualan harta tanah, loji dan peralatan	9,099	210,000
Pelaburan dalam Aureos Malaysia Fund LLC	(1,054,966)	-
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(4,850,168)	(6,602,661)
Pembelian sekuriti pelaburan	(45,000,000)	(188,529,817)
Wang tunai bersih yang digunakan dalam kegiatan pelaburan	(5,392,236)	(149,769,738)
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Pembayaran balik dana dari Permodalan Nasional Berhad	(10,000,000)	(10,000,000)
Wang tunai bersih yang digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(10,000,000)	(10,000,000)

Penyata Aliran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2007(Sambungan)

	2007 RM	2006 RM
PERTAMBAHAN BERSIH/(PENGURANGAN) WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI DALAM TAHUN	39,306,463	(18,971,997)
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1HB JANUARI	4,043,986,223	4,062,958,220
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31HB DISEMBER	4,083,292,686	4,043,986,223
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:		
Simpanan bertempoh (Nota 14)	4,078,292,950	4,036,524,495
Wang tunai dan baki dalam bank	4,999,736	7,461,728
	4,083,292,686	4,043,986,223

Nota-nota di muka surat 150 hingga 183 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2007

1. ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan ini telah disediakan bagi mengikut Piawaian Laporan Kewangan (FRSs) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan mengikut peruntukan di dalam Akta Syarikat, 1965.

Kesemua polisi perakaunan yang penting dipatuhi oleh CGC adalah konsisten seperti tahun sebelumnya kecuali bagi piawaian-piawaian berikut, yang telah dikemaskini, di mana ianya relevan kepada operasi CGC dan mandatori bagi tahun kewangan bermula 1hb Januari, 2007:-

FRS 117, Pajakan

FRS 124, Pemberitahuan Pihak Berkaitan

FRS 117, Pajakan

Kesan daripada perubahan polisi perakaunan apabila FRS 117, mengenai Pajakan dipatuhi, diringkaskan seperti di bawah:-

Sebelum 1hb Januari, 2007, tanah pegang pajak untuk kegunaan sendiri dikelaskan sebagai harta tanah, loji dan peralatan dan telah dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya jumlah susutnilai terkumpul dan rosotnilai aset. Pematuhan pada FRS 117 yang telah dikemaskini ini telah mengubah dasar perakaunan berkaitan dengan pengelasan semula tanah pajakan. Tanah pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dengan cara yang sama seperti pajakan aset-aset lain. Elemen-elemen tanah dan bangunan di dalam sesuatu pajakan tanah dan bangunan adalah dipisahkan untuk tujuan pengelasan pajakan. Tanah pegang pajak untuk kegunaan sendiri kini dikelaskan sebagai pajakan operasi dan di mana perlu, bayaran pajakan minima atau bayaran pendahuluan yang dibuat dibahagikan di antara elemen-elemen tanah dan elemen-elemen bangunan dalam nisbah nilai saksama secara relatif bagi pajakan dalam elemen-elemen tanah dan elemen-elemen bangunan pajakan pada permulaan pajakan tersebut. Bayaran pendahuluan yang berkaitan dengan tanah pajakan mewakili prabayar bayaran tanah pajakan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

CGC telah melaksanakan perubahan dalam polisi perakaunan berkaitan dengan tanah pegang pajak bersesuaian dengan peruntukan transisi di dalam FRS 117. Pada 1hb Januari, 2007, jumlah tanah pegang pajak yang belum dilupuskan dikekalkan sebagai pengganti jumlah yang dibawa bagi prabayar bayaran tanah pajakan yang dibenarkan dalam peruntukan transisi ini. Pengelasan semula tanah pegang pajak sebagai prabayar bayaran tanah pajakan telah diambilkira secara retrospektif. Angka-angka perbandingan di dalam kunci kira-kira CGC pada 31hb Disember, 2006 telah dinyatakan semula. Perubahan ini tidak memberikan sebarang impak ke atas penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31hb Disember, 2006.

1. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Perubahan pada polisi perakaunan ini telah menghasilkan kesan ke atas prabayar bayaran tanah pajakan dan harta tanah, loji dan peralatan CGC seperti berikut:

Kesan ke atas kunci kira-kira pada 1 hb Januari, 2006

	Seperti dinyatakan sebelumnya RM	Kesan dari pematuhan FRS 117 RM	Dinyatakan semula RM
Harta tanah, loji dan peralatan (tanah)			
- Pengkelasan semula kepada prabayar bayaran tanah pajakan berikutan pematuhan FRS 117	28,218,607	(3,206,681)	25,011,926
Prabayar bayaran tanah pajakan			
- Pengkelasan semula daripada harta tanah, loji dan peralatan berikutan pematuhan FRS 117	-	3,206,681	3,206,681

FRS 124, Pemberitahuan Pihak Berkaitan

Pematuhan piawaian FRS 124 yang telah dikemaskini tidak memberi sebarang kesan kewangan yang nyata ke atas penyata pendapatan CGC.

Lain-lain FRS

CGC tidak mematuhi piawaian FRS 6 yang baru, Carigali dan Penilaian Sumber Galian, yang mana ianya mandatori bagi tempoh kewangan CGC yang bermula pada 1 hb Januari, 2007 kerana FRS tersebut tidak berkaitan dengan operasi CGC.

1. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Piawaian perakaunan FRS baru yang berikut serta penafsirannya sepertimana yang dikeluarkan oleh MASB, masih belum berkuatkuasa dan oleh itu CGC masih belum mengamalkannya:-

<u>Piawaian/Penafsiran</u>	<u>Tarikh berkuatkuasa</u>
FRS 107, Penyata Aliran Tunai	1 hb Julai, 2007
FRS 111, Kontrak Pembinaan	1 hb Julai, 2007
FRS 112, Cukai Pendapatan	1 hb Julai, 2007
FRS 118, Hasil	1 hb Julai, 2007
FRS 119, Kebajikan Pekerja	1 hb Julai, 2007
FRS 120, Perakaunan untuk Geran Kerajaan dan Pemberitahuan Bantuan Kerajaan	1 hb Julai, 2007
Pindaan ke atas FRS 121, Kesan Perubahan Pertukaran Matawang Asing Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 hb Julai, 2007
FRS 126, Perakaunan dan Laporan Pelan Kebajikan Persaraan	1 hb Julai, 2007
FRS 129, Laporan Kewangan di dalam Ekonomi Inflasi Melampau	1 hb Julai, 2007
FRS 134, Laporan Kewangan Sementara	1 hb Julai, 2007
FRS 137, Peruntukan-peruntukan, Tanggungan-tanggungan Luar Jangka dan Aset-aset Luar Jangka	1 hb Julai, 2007

1. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Piawaian perakaunan FRS baru yang berikut serta penafsirannya sepertimana yang dikeluarkan oleh MASB, masih belum berkuatkuasa dan oleh itu CGC masih belum mengamalkannya:- (Sambungan)

<u>Piawaian/Penafsiran</u>	<u>Tarikh berkuatkuasa</u>
FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran	Akan dimaklumkan
Penafsiran IC 1, Perubahan dalam Penyahtauliah Sediada, Pemulihan dan Tanggungan Yang Serupa	1hb Julai, 2007
Penafsiran IC 2, Saham Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Yang Serupa	1hb Julai, 2007
Penafsiran IC 5, Hak terhadap Kepentingan yang timbul daripada Dana-dana Penyahtauliah Sediada, Pemulihan dan Pemulihan Alam Sekitar	1hb Julai, 2007
Penafsiran IC 6, Tanggungan yang terhasil dari Penyertaan dalam Pasaran Khusus - Kelengkapan Elektrik dan Elektronik Buangan	1hb Julai, 2007
Penafsiran IC 7, Penggunaan Kaedah Dinyatakan Semula di bawah FRS 129 ₂₀₀₄ : Laporan Kewangan dalam Ekonomi Inflasi Melampau	1hb Julai, 2007
Penafsiran IC 8, Skop FRS 2	1hb Julai, 2007

CGC merancang untuk mematuhi semua FRS yang tersebut di atas (kecuali untuk FRS 111,120,129,134 dan Penafsiran IC 1,2,5,6,7 di mana FRS dan penafsiran IC tersebut tidak bersesuaian untuk CGC, manakala peraturan ke atas FRS 139 masih belum dikuatkuasakan) untuk operasi CGC bermula tahun kewangan, 1hb Januari, 2008. Pematuhan semua FRS ini dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang ketara terhadap laporan kewangan CGC.

CGC akan menerima pakai FRS 139 apabila ia mula dikuatkuasakan kelak. Kesan daripada penerimaan pakai FRS 139 ke atas penyata kewangan CGC tidak didedahkan berdasarkan pengecualian yang diperuntukkan di bawah perenggan 103AB di dalam FRS 139.

2. MAKLUMAT AM

Penyata Kewangan CGC telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 25hb April, 2008, untuk diterbitkan.

CGC ialah sebuah syarikat liabiliti berhad ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar CGC ialah Level 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

Alamat urusan perniagaan utama CGC ialah Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

3. POLISI BAGI RISIKO KEWANGAN

Dalam kegiatan harian, CGC terdedah kepada 4 jenis risiko utama iaitu risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko kendalian.

(a) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian terhadap CGC oleh kerana pihak yang dijamin atau pihak yang berkaitan gagal memenuhi tuntutan kewangan terhadap pemiutang masing-masing.

Risiko kredit daripada Jaminan

CGC mengurus risiko kredit dengan menilai peminjam berdasarkan model 'In House Credit-Scoring'. CGC menggunakan model ini bagi mengukur kemantapan pinjaman pada tahap pengukuran yang ditetapkan.

Risiko kredit yang wujud daripada instrumen kewangan

Pendedahan risiko kredit daripada pelaburan dalam instrumen kewangan dikurangkan dengan cara melabur dalam institusi-institusi kewangan berlesen. Bagi instrumen hutang, CGC hanya melabur dalam instrumen hutang yang bertaraf tinggi sahaja.

3. POLISI BAGI RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko Pasaran

Risiko pasaran wujud daripada pergerakan yang merugikan di dalam harga pasaran pelaburan.

CGC melabur di dalam instrumen hutang bertaraf tinggi terutamanya untuk pendapatan faedah/dividen, dengan memegang pelaburan tersebut sehingga matang. Oleh itu, CGC dapat mengurangkan risiko pasarannya.

(c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang wujud bila CGC menempuh kesulitan dalam mendapatkan wang untuk memenuhi tuntutan kewangannya pada kos dan dalam masa yang berpatutan. Risiko kecairan ditangani dengan mempelbagaikan kematangan pelaburan kepada jangkamasa yang berlainan berdasarkan jarak kematangan.

(d) Risiko Kendalian

Risiko kendalian adalah risiko daripada kerugian langsung atau tidak langsung akibat dari ketidaktepatan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau faktor luaran. CGC mengurangkan risiko kendaliannya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman dan peraturan yang lengkap, yang mana ianya kerap disemak dan diaudit dari masa ke semasa oleh juruaudit dalaman.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Harta tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya jumlah susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos harta tanah, loji dan peralatan kepada nilai baki dalam jangkamasa kegunaan aset-aset tersebut. Kadar garis lurus untuk tujuan ini adalah seperti berikut:

Bangunan	4%
Semua harta-harta lain daripada harta tanah, loji dan peralatan	20%

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Pajak-pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajak kewangan jika sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan pemilikan berpindah kepada Syarikat. Semua pajak-pajakan selain dari itu adalah dikelaskan sebagai pajak-pajakan operasi.

(i) Pajak kewangan

Aset-aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajak-pajakan kewangan adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajak minima pada permulaan pajak, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan ditunjukkan sebagai pinjaman di dalam kunci kira-kira. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajak minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah terkandung di dalam pajak, apabila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar pinjaman bertingkat CGC akan digunakan.

Bayaran pajak diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajak dan nilai saksama aset yang diambilalih, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan di sepanjang penggal pajak berkenaan untuk menghasilkan kadar berkala yang tetap ke atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset pajak adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan dalam nota 4(a).

(ii) Pajak operasi

Pembayaran pendahuluan yang dibuat ke atas tanah pegang pajak di bawah pajak operasi, dianggap sebagai prabayar bayaran tanah pajak dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus ke atas tempoh baki pajak. Pembayaran yang dibuat di bawah lain-lain pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

4.DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Rosotnilai aset

Nilai yang dibawa oleh aset (selain daripada aset-aset kewangan) dikira semula bagi rosotnilai apabila terdapat tanda-tanda rosotnilai pada aset. Rosotnilai dianggarkan dengan membandingkan nilai yang dibawa oleh aset dengan nilai sebenar aset. Nilai sebenar aset adalah nilai bersih yang tertinggi yang dijangka direalisasikan dan nilai digunakan, di mana ianya dinilai dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun. Jumlah sebenar aset adalah dianggarkan bagi setiap aset atau, jika ianya tidak mungkin, dari unit yang menerbitkan tunai.

Kerugian rosotnilai dicajkan ke penyata pendapatan dengan segera. Sebarang kenaikan dari nilai sebenar aset dikira sebagai pulangan bagi kerugian rosotnilai yang sebelumnya dan dikenalpasti hingga ketahap nilai yang dibawa oleh aset itu di mana ianya telah ditentukan (jumlah bersih yang telah dibereskan dan disusutnilai) tiada kerugian rosotnilai yang telah dikenalpasti. Pulangan dikenalpastikan di penyata pendapatan dengan segera.

(d) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah satu entiti di mana CGC mempunyai pengaruh yang penting, yang bukan merupakan subsidiari ataupun perkongsian di dalam satu usahasama. Pengaruh yang penting adalah merupakan kuasa dalam menentukan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kuasa ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan CGC melalui kaedah perakaunan ekuiti. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira CGC pada kos yang disesuaikan dengan perubahan selepas perolehan berdasarkan bahagian aset-aset bersih CGC di dalam syarikat bersekutu. Bahagian keuntungan atau rugi bersih CGC di dalam syarikat bersekutu adalah dikenali sebagai keuntungan atau kerugian CGC berdasarkan akaun pengurusan yang terkini.

(e) Pelaburan-pelaburan

Pelaburan-pelaburan dianggap sebagai jangka panjang oleh para pengarah di mana ianya dinyatakan pada kos dalam penyata-penyata kewangan CGC. Elaun untuk pengurangan dalam nilai pelaburan dibuat bila pada pertimbangan para pengarah telah berlakunya penurunan, selain daripada penurunan sementara, dalam nilai pelaburan.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Pinjaman dan Pendahuluan

Pinjaman dan pendahuluan dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, peruntukan khas untuk hutang ragu dibuat bila kemampuan untuk memungut semula hutang diragui.

Pinjaman yang tidak boleh dipungut semula atau sebahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai hutang lapuk diluputkan bila prospek untuk ianya dipungut menjadi tipis.

(g) Sekuriti Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain adalah dinyatakan mengikut kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar portfolio.

(h) Pengiraan Hasil

Yuran jaminan diambilkira atas dasar terakru mengikut tempoh masa jaminan masing-masing.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain diambilkira atas dasar terakru.

(i) Penukaran Matawang Asing

Urusniaga-urusniaga di dalam matawang asing adalah ditukarkan ke dalam Ringgit Malaysia menurut kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran berasaskan kewangan di dalam matawang asing ditukarkan pada kadar tukaran yang diurusniagakan pada tarikh tersebut. Butiran tidak berasaskan kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama di dalam matawang asing ditukarkan pada kadar tukaran pada tarikh nilai saksama dikenalpasti. Butiran tidak berasaskan kewangan yang diukur berdasarkan kos asal di dalam matawang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran matawang yang terhasil apabila butiran berasaskan kewangan dilangsaikan dan juga apabila ianya ditukarkan, akan dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian di dalam tempoh tersebut.

4.DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Peruntukan khas untuk memenuhi tuntutan telah dibuat bagi tanggungan CGC berdasarkan pemberitahuan yang dibuat oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan apabila pinjaman telah dikelaskan sebagai tidak berbayar. Pengkelasan pinjaman sebagai tidak berbayar oleh institusi kewangan adalah berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia melalui "Garis Panduan ke atas Penangguhan Faedah Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang Lapuk dan Meragukan, BNM/GP3".

Selain daripada itu, peruntukan am sebanyak 1.5% (2006:1.5%) daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang dijamin oleh CGC selepas diambilkira peruntukan khas untuk tuntutan juga disediakan.

Peruntukan tuntutan dicajkan terus kepada penyata pendapatan. Pindahan lebih atau kurang yang terhasil akan dibuat ke rizab-rizab khas daripada untung tersimpan.

(k) Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan yang dinyatakan dalam kunci kira-kira terdiri daripada wang tunai dan baki dalam bank, pelaburan-pelaburan, penghutang-penghutang, pemiutang-pemiutang dan pinjaman-pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang diambil dilaporkan dalam setiap penyata dasar perakaunan bagi setiap instrumen kewangan.

Aset kewangan adalah harta dari wang tunai, perjanjian untuk menerima wang tunai atau aset kewangan dari syarikat lain; perjanjian bagi pertukaran instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah situasi yang berpotensi membawa keuntungan; atau instrumen ekuiti dari syarikat lain.

Instrumen-instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh CGC diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti mengikut kepada dasar perjanjian yang dimeterai. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian ke atas instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai perbelanjaan atau hasil. Pembahagian kepada pemegang instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dicaj terus ke ekuiti. Instrumen-instrumen kewangan ditolak kesahihannya apabila CGC mempunyai hak-hak untuk menolak kesahihan jumlah yang dikenalpasti dan bertujuan untuk membereskan jumlah bersih atau merealisasikan aset dan membereskan liabiliti pada masa yang sama.

4.DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Peruntukan bagi Liabiliti-liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti diambilkira apabila CGC mempunyai tanggungan semasa disebabkan peristiwa yang lepas; ada kemungkinan pengaliran keluar keuntungan diperlukan bagi menunaikan tanggungan dan anggaran kasar jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan akan dikira semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran yang paling tepat. Apabila kesan nilai masa sebagai berharga itu tinggi, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang mungkin diperlukan bagi membayar tanggungan.

(m) Kebajikan Pekerja

Kebajikan jangka pendek

Upah, gaji dan bonus adalah dikenalpasti sebagai perbelanjaan dalam tahun tersebut yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh pekerja-pekerja. Pampasan jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar dikenalpasti bila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang mana meningkatkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran masa hadapan seperti cuti sakit yang diakui bila ketidakhadiran berlaku.

Mengikut undang-undang, CGC dikehendaki membuat sumbangan ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan seumpama ini adalah diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila ianya berlaku.

(n) Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Wang tunai adalah tunai di tangan dan baki dalam bank.

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

5. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dan penilaian adalah dinilai secara berterusan dan berasaskan kepada pengalaman lepas dan faktor-faktor lain termasuklah jangkaan kepada apa yang akan berlaku di masa akan datang serta boleh dijadikan panduan yang munasabah. CGC membuat anggaran dan andaian tentang apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Anggaran perakaunan yang dibuat, kebiasaannya adalah tidak bersamaan dengan hasil yang sebenar. Tiada anggaran dan andaian yang dibuat oleh CGC yang berkemungkinan menyebabkan risiko yang nyata dan memerlukan pelarasan ke atas jumlah yang dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan tahun hadapan.

6. FUNGSI DAN PENGGUNAAN MATAWANG

Perkara-perkara yang terkandung di dalam penyata kewangan CGC adalah diukur berdasarkan kadar matawang ekonomi setempat di mana CGC beroperasi. Penyata kewangan ini telah dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia iaitu merupakan kadar matawang di mana CGC menjalankan operasinya.

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Bangunan RM	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Kerja dalam Kemajuan RM	Jumlah RM
2007							
Kos:							
Pada 1hb Januari	39,081,135	836,487	1,386,871	8,148,681	19,040,627	5,014,048	73,507,849
Tambahan	-	2,380	162,844	613,554	443,325	3,628,065	4,850,168
Jualan	-	-	(63,160)	-	-	-	(63,160)
Pelupusan	-	-	(19,138)	(315)	-	-	(19,453)
Pada 31hb Disember	39,081,135	838,867	1,467,417	8,761,920	19,483,952	8,642,113	78,275,404
Susutnilai terkumpul:							
Pada 1hb Januari	15,632,454	221,892	1,094,898	6,641,317	16,171,325	-	39,761,886
Caj bagi tahun ini	1,563,245	156,034	126,006	557,462	1,735,630	-	4,138,377
Penghapusan atas jualan	-	-	(57,106)	-	-	-	(57,106)
Penghapusan atas pelupusan	-	-	(19,134)	(314)	-	-	(19,448)
Pada 31hb Disember	17,195,699	377,926	1,144,664	7,198,465	17,906,955	-	43,823,709
Nilai buku bersih pada 31hb Disember	21,885,436	460,941	322,753	1,563,455	1,576,997	8,642,113	34,451,695

7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Bangunan RM	Kenderaan Bermotor RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Kerja dalam Kemajuan RM	Jumlah RM
2006							
Kos:							
Pada 1hb Januari							
- Seperti dilaporkan semula	44,091,574	682,120	1,343,749	7,578,790	18,606,983	157,008	72,460,224
- Pengkelasan semula prabayar tanah pajakan mengikut FRS 117	(5,010,439)	-	-	-	-	-	(5,010,439)
Seperti dinyatakan semula	39,081,135	682,120	1,343,749	7,578,790	18,606,983	157,008	67,449,785
Tambahan	-	698,964	43,122	412,883	433,644	5,014,048	6,602,661
Pengkelasan semula	-	-	-	157,008	-	(157,008)	-
Jualan	-	(544,597)	-	-	-	-	(544,597)
Pada 31hb Disember	39,081,135	836,487	1,386,871	8,148,681	19,040,627	5,014,048	73,507,849
Susutnilai terkumpul:							
Pada 1hb Januari							
- Seperti dilaporkan semula	15,872,967	638,569	936,095	5,910,805	13,486,289	-	36,844,725
- Pengkelasan semula prabayar tanah pajakan mengikut FRS 117	(1,803,758)	-	-	-	-	-	(1,803,758)
Seperti dinyatakan semula	14,069,209	638,569	936,095	5,910,805	13,486,289	-	35,040,967
Caj bagi tahun ini	1,563,245	127,918	158,803	730,512	2,685,036	-	5,265,514
Penghapusan atas jualan	-	(544,595)	-	-	-	-	(544,595)
Pada 31hb Disember	15,632,454	221,892	1,094,898	6,641,317	16,171,325	-	39,761,886
Nilai buku bersih pada 31hb Disember	23,448,681	614,595	291,973	1,507,364	2,869,302	5,014,048	33,745,963

Geran hak milik bagi bangunan atas tanah pegang pajak masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

8. PRABAYAR BAYARAN TANAH PAJAKAN

	2007 RM	Dinyatakan semula 2006 RM
Kos:		
Pada 1hb Januari	5,010,439	-
Pengkelasan semula daripada harta tanah, loji dan peralatan dengan pematuhan FRS 117	-	5,010,439
Pada 1hb Januari/seperti dinyatakan semula	5,010,439	5,010,439
Tambahan	-	-
Jualan	-	-
Pada 31hb Disember	5,010,439	5,010,439
Susutnilai terkumpul:		
Pada 1hb Januari	2,004,176	-
Pengkelasan semula daripada harta tanah, loji dan peralatan dengan pematuhan FRS 117	-	1,803,758
Pada 1hb Januari/seperti dinyatakan semula	2,004,176	1,803,758
Caj pelupusan bagi tahun	34,991	200,418
Pada 31hb Disember	2,039,167	2,004,176
Jumlah dibawa pada 31hb Disember	2,971,272	3,006,263

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	2007 RM	2006 RM
Saham-saham tidak disebut, pada harga kos	200,000	-
Bahagian daripada keuntungan selepas perolehan	739	-
	200,739	-

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Butiran terperinci syarikat bersekutu, yang mana ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Negara Pengkorporatan	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti 2007	Pegangan Ekuiti 2006
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.	Malaysia	Perkhidmatan Khidmat Nasihat	40%	-

Ringkasan maklumat kewangan daripada syarikat bersekutu adalah seperti berikut:-

	2007 RM	2006 RM
Aset-aset dan Liabiliti-liabiliti		
Aset-aset semasa	275,947	-
Aset-aset jangka panjang	446,313	-
Jumlah aset	722,260	-
Liabiliti-liabiliti		
Liabiliti-liabiliti semasa	62,496	-
Liabiliti-liabiliti bukan semasa	157,917	-
Jumlah liabiliti	220,413	-
Hasil		
Pendapatan	493,005	-
Untung selepas cukai	1,847	-

10. DANA PELABURAN ASING

Di dalam tahun ini, CGC telah memasuki satu Perjanjian Pemegang Saham bersama Aureos Malaysia Fund LLC (Syarikat), Aureos South-East Asia Ltd (Pengurus) dan lain-lain (Pelabur-pelabur). Perjanjian tersebut memperuntukkan setiap pelabur, termasuk CGC untuk melanggan sejumlah Saham-saham Biasa Kelas A dan membayar sejumlah saham yang mungkin akan dipanggil secara agregat sebagai Sumbangan Modal yang mana telah dipersetujui di dalam perjanjian tersebut.

CGC mempunyai komitmen untuk melanggan sebanyak 10,000,000 Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham. Pada 31hb Disember, 2007, CGC telah melanggan dan membayar sejumlah 307,500 Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham yang bersamaan RM1,054,966.

11. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI BANK NEGARA MALAYSIA

Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia (BNM) merangkumi pemulangan semula tuntutan yang telah dibayar untuk Skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) dan Skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (KJK-2).

Jumlah pinjaman tersebut tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

12. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN

	2007 RM	2006 RM
Pada 1hb Januari	221,584,357	326,389,104
Tolak: Bayaran diterima	(34,513,847)	(104,804,747)
Pada 31hb Disember	187,070,510	221,584,357

Jumlah ini merupakan baki pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC seperti yang dirujuk dalam Nota 17 kepada penyata kewangan ini, Skim Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru (TUB 2).

13. SEKURITI PELABURAN DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

	2007 RM	2006 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	25,512,500	25,512,500
Faedah akan diterima	81,565	81,565
	25,594,065	25,594,065
Bon Cagamas	9,994,000	30,044,000
Faedah akan diterima	66,279	217,844
	10,060,279	30,261,844
Bon-bon lain	224,653,924	205,391,471
Faedah akan diterima	2,515,484	2,473,861
	227,169,408	207,865,332
	262,823,752	263,721,241
Nilai Pasaran		
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	25,817,500	26,612,500
- Bon Cagamas	10,002,000	29,982,000
- Bon-bon lain	225,852,390	207,814,050
	261,671,890	264,408,550

14. SIMPANAN TETAP DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

	2007 RM	2006 RM
Simpanan tetap		
- dengan bank-bank berlesen	1,690,555,356	3,021,702,660
- dengan institusi-institusi kewangan yang lain	2,387,737,594	1,014,821,835
	4,078,292,950	4,036,524,495
Faedah akan diterima		
- dari bank-bank berlesen	21,622,767	45,592,279
- dari institusi-institusi kewangan yang lain	40,473,832	13,570,515
	62,096,599	59,162,794
	4,140,389,549	4,095,687,289

15. MODAL SAHAM

	2007 RM	2006 RM
DIBENARKAN:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	2,500,000,000	2,500,000,000
Saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	500,000,000	500,000,000
	3,000,000,000	3,000,000,000

Saham biasa yang dibenarkan terdiri dari:-

Kelas A	1,500,000,000	1,500,000,000
Kelas B	750,000,000	750,000,000
Kelas C	250,000,000	250,000,000
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	2,500,000,000	2,500,000,000

Saham Kelas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada Bank Negara Malaysia. Saham Kelas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak diklasifikasikan sebagai saham Kelas A atau saham Kelas B adalah saham Kelas C. Semua kelas saham biasa mempunyai hak yang samarata antara satu sama lain.

	2007 RM	2006 RM
DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:-		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	1,435,600,000	1,435,600,000
200,000,000 saham keutamaan boleh tebus 10 tahun pada kadar 1% tidak terkumpul bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	200,000,000	200,000,000
Jumlah	1,635,600,000	1,635,600,000

15. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham keutamaan ini memberi hak kepada dividen keutamaan pada kadar 1% (selepas cukai) ke atas modal yang telah dibayar dan ianya akan dibayar dalam masa tertentu mengikut syarat-syarat yang mana pengarah-pengarah dengan kuasa yang ada dan pada pertimbangan mereka telah menentukan yang ianya layak dibayar, dibuat atau dibayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak akan diberi hak kepada sebarang tuntutan ke atas keuntungan.

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:-

	2007 RM	2006 RM
Kelas A	1,097,096,000	1,097,096,000
Kelas B	336,746,000	336,746,000
Kelas C	1,758,000	1,758,000
Jumlah modal saham biasa	1,435,600,000	1,435,600,000

16. RIZAB-RIZAB

Rizab Program Khas	149,723,859	128,298,417
Rizab SPI	32,592,077	32,205,736
Rizab Khas	116,378,130	79,602,026
	298,694,066	240,106,179
Untung Tersimpan	442,116,016	458,004,032
	740,810,082	698,110,211

(a) Rizab Program Khas:-

Pada 1hb Januari	128,298,417	112,710,891
Pindahan dari penyata pendapatan	21,425,442	15,587,526
Pada 31hb Disember	149,723,859	128,298,417

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, Skim Dana Pembiayaan Francais (SPF), TEB dan PROSPER dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dalam tahun 1997 bagi menyerap kerugian yang mungkin dialami atas pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 18).

16. RIZAB-RIZAB (SAMBUNGAN)

	2007 RM	2006 RM
(b) Rizab SPI:-		
Pada 1 hb Januari	32,205,736	32,724,531
Pindahan dari/(ke) penyata pendapatan	386,341	(518,795)
Pada 31 hb Disember	32,592,077	32,205,736

Rizab SPI diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPI di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

	2007 RM	2006 RM
(c) Rizab Khas:-		
Pada 1 hb Januari	79,602,026	37,954,413
Pindahan dari penyata pendapatan	36,776,104	41,647,613
Pada 31 hb Disember	116,378,130	79,602,026

Rizab Khas ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh CGC di bawah skim-skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Rizab Khas juga boleh digunakan bagi membayar tuntutan luarjangka bagi skim-skim lain jika diperlukan.

17. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA

	2007 RM	2006 RM
Bayar balik dalam 12 bulan	300,000,000	300,000,000
Bayar balik selepas 12 bulan	650,000,000	650,000,000
	950,000,000	950,000,000

17. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA (SAMBUNGAN)

Jumlah pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM) merangkumi daripada berikut:-

- a) RM300 juta, pembayaran balik dalam masa 12 bulan, yang terdiri daripada berikut:-
 - (i) RM100 juta telah diperuntukan oleh BNM untuk membolehkan CGC meningkatkan rizab jaminannya. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang selama 5 tahun dari tarikh pengeluaran pada 8hb Julai, 1999. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh pembayaran balik pinjaman kepada satu tarikh yang akan ditentukan kelak.
 - (ii) Di dalam tahun 1999, BNM telah memberikan pinjaman sementara sebanyak RM200 juta kepada CGC untuk menanggung kos operasi CGC dalam pengendalian terbitan saham hak. Selepas pinjaman tersebut matang, jumlah ini telah disalurkan kepada TUK untuk memenuhi permintaan pinjaman dan akan digunakan untuk meningkatkan tabung rizab bagi memenuhi keperluan tuntutan di bawah skim TUK. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian yang dikeluarkan pada 4hb Januari, 2000 dengan tempoh matang pada 31hb Disember, 2004, pada kadar faedah 1% setahun. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.
- b) RM650 juta, pembayaran balik selepas 12 bulan, terdiri daripada berikut:-
 - (i) RM200 juta, pinjaman diterima oleh CGC pada tahun 2000 untuk mentadbir Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2);
 - (ii) RM200 juta, pinjaman tambahan yang diterima dalam tahun 2001 untuk TIKS 2; dan
 - (iii) RM250 juta, untuk mentadbir Tabung Usahawan Baru (TUB 2) diterima dalam tahun 2001.

Pembayaran balik untuk kedua-dua tabung TIKS 2 dan TUB 2 yang diterima akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian dan dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun.

18. TABUNG PEMBIAYAAN USAHAWAN KECIL (TPUK)

	2007 RM	2006 RM
Pada 1 hb Januari	40,000,000	50,000,000
Bayar balik pada tahun ini	(10,000,000)	(10,000,000)
Pada 31 hb Disember	30,000,000	40,000,000
Bayar balik dalam 12 bulan	10,000,000	10,000,000
Bayar balik selepas 12 bulan	20,000,000	30,000,000
	30,000,000	40,000,000

Dalam tahun 1996, CGC telah menandatangani satu perjanjian dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menyumbang sebanyak RM200 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) di mana RM50 juta telah diterima dalam tahun 1996. RM50 juta ini tertakluk kepada pembayaran balik dengan jumlah yang sama selama 5 tahun bermula dari ulangtahun kelima setiap sumbangan. Dalam tahun 2001, CGC telah memohon bagi melanjutkan pembayaran balik untuk 5 tahun lagi. Dalam tahun 2006, ansuran pertama berjumlah RM10 juta telah dibayar. Ini telah diikuti oleh ansuran kedua berjumlah RM10 juta dalam 2007.

Selain dari itu, MECD telah menyumbangkan tabung jaminan sebanyak RM40 juta dalam tahun 1996 yang dimasukkan di bawah Program Rizab Khas untuk tujuan menyerap kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah TPUK.

Tabung ini bertujuan untuk menyediakan satu lagi pendekatan bagi usahawan-usahawan kecil mendapatkan bantuan kewangan bagi memaju dan menaikkan taraf perniagaan masing-masing. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil di bawah TPUK adalah tidak melebihi 6% setahun dengan jumlah setiap pinjaman tidak melebihi RM50,000.

Berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1999, MECD telah menggabungkan TPUK dan TUK. Penggabungan kedua-dua skim ini dikenali sebagai TUK. Tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang ada di bawah Rizab Program Khas boleh digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan Unit Pinjaman Kecil (SLU) yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan skim TUK yang baru.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 16).

19. TABUNG USAHAWAN KECIL (TUK)

	2007 RM	2006 RM
Bayar balik dalam 12 bulan	490,000,000	440,000,000
Bayar balik selepas 12 bulan	-	50,000,000
	490,000,000	490,000,000

Pada 10hb Disember, 1998, CGC telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbang sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun atau apabila skim ini dimansuhkan, yang mana terdahulu.

Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini disediakan untuk TPPPK 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18hb Disember, 1997. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM dalam tahun ini tetapi kelulusan tersebut belum diterima lagi.

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Dalam tahun 1999, BNM telah memperuntukkan RM400 juta untuk tabung ini di mana RM300 juta telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8hb Julai, 1999. RM100 juta dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3hb September, 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

CGC telah memberhentikan pemberian pinjaman di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 2000. Walaubagaimanapun, CGC masih menguruskan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum dari tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 16).

20. SKIM JAMINAN USAHAWAN KECIL (SJUK)

	2007 RM	2006 RM
Pada 1hb Januari	79,000,000	79,000,000
Bayaran diterima pada tahun ini	-	-
Pada 31hb Disember	79,000,000	79,000,000

Pada 15hb Mei, 2002, CGC telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang menyumbang sebanyak RM50 juta bagi menubuhkan tabung jaminan yang dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) bagi menampung kerugian. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun yang ke-6 dan dikenakan faedah pada kadar 3% setahun dari tarikh pengeluaran pada 14hb November, 2002. Walaubagaimanapun, pada 30hb Ogos, 2005, MOF telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang faedah kepada CGC.

Pada 30hb Ogos, 2005, CGC telah membuat perjanjian yang lain dengan MOF untuk sumbangan tambahan berjumlah RM29 juta. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun ke-6 dan tidak dikenakan sebarang faedah.

Skim ini adalah untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman dari RM10,000 hingga RM50,000 bagi modal pusingan dan/atau pembelian aset.

21.DANA-DANA KERAJAAN

	2007 RM	2006 RM
Pembayaran balik pinjaman atas permintaan	300,000,000	300,000,000

Jumlah di atas termasuk pelbagai pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM), dengan terma-terma berikut:-

- (a) RM80 juta bertujuan membolehkan CGC meningkatkan rizab, pembayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah.
- (b) RM220 juta bertujuan untuk dana pinjaman, di mana:-
 - (i) RM50 juta untuk TPPP 1992 dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah;
 - (ii) RM50 juta untuk TPPP 1992 dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikenakan faedah 1% setahun;
 - (iii) RM20 juta untuk pengendalian Skim Pinjaman Khas Persatuan (SPKP), dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah; dan
 - (iv) RM100 juta untuk Tabung Pelaburan Baru (TPB), yang perlu dibayar balik pada 14hb Disember, 2006 selepas mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi penangguhan tarikh bayaran balik selama setahun. Dalam tahun 2006, CGC telah memohon penangguhan bayaran balik selama setahun lagi tetapi kelulusan perlanjutan masih belum dibuat lagi.

Dari jumlah ini, RM200 juta adalah bercagar dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Simpanan Tetap masing-masing bernilai RM25 juta dan RM80 juta.

22. PERUNTUKAN TUNTUTAN DI BAWAH SKIM-SKIM JAMINAN

	2007 RM	2006 RM
Peruntukan khas:		
Pada 1hb Januari	294,613,994	352,521,934
Peruntukan dalam tahun	240,462,242	113,911,483
Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun	(1,169,248)	-
Tuntutan perlu dibayar	(248,322,173)	(171,819,423)
Pada 31hb Disember	285,584,815	294,613,994
Peruntukan am:		
Pada 1hb Januari	63,288,500	50,374,453
Peruntukan dalam tahun	-	12,914,047
Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun	(10,781,720)	-
Pada 31hb Disember	52,506,780	63,288,500
Jumlah	338,091,595	357,902,494

23. TABUNG SKIM PEMBIAYAAN FRANCAIS (FFS)

Pada 27hb Oktober, 1997, memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara CGC, MECD dan tiga buah bank bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais di bawah tabung yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Francais (SPF).

Maklumat terperinci berkaitan penerimaan pembayaran oleh CGC daripada MECD dalam bentuk dana jaminan dan subsidi ke atas faedah kepada peminjam-peminjam adalah seperti berikut:-

Tahun	Dana Jaminan RM	Subsidi Faedah RM	Jumlah RM
1998	2,000,000	2,000,000	4,000,000
1999	2,000,000	-	2,000,000
2000	7,196,500	7,196,500	14,393,000
2002	1,450,000	1,450,000	2,900,000
2003	15,000,000	-	15,000,000

Program ini akan membolehkan usahawan-usahawan yang mengendalikan perniagaan francais yang berdaya maju mendapat akses kepada kemudahan kredit sehingga tahap maksima RM7.5 juta setiap seorang. Bank boleh mengenakan kadar faedah maksima KAP + 1.5% ke atas peminjam. Walau bagaimanapun, MECD melalui CGC akan memberi subsidi ke atas bayaran faedah bagi mengurangkan kos pinjaman peminjam.

24. PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA (TEB)

Program ini adalah usahasama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Affin Bank Berhad dan CGC, bertujuan untuk menggalakkan belia di negara ini menceburi bidang perniagaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh tiga pihak pada 15hb Julai, 1997 di mana Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbang sebanyak RM7.6 juta yang mana telah dimasukkan ke dalam Rizab Program Khas.

Program ini akan membolehkan belia-belia mendapatkan pinjaman kecil di antara RM5,000 ke RM50,000 dengan kadar faedah maksima sebanyak KAP + 2%. Walaubagaimanapun, kos kepada peminjam adalah 2% setahun sahaja. Perbezaan di antara kos yang dikenakan oleh bank dan kos kepada peminjam akan ditampung melalui subsidi dari kerajaan.

25. TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 2 (TIKS 2)

Berkuatkuasa pada 3hb April, 2000, kerajaan telah memutuskan supaya Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang dikendalikan oleh BNM ditamatkan oleh kerana peruntukan sejumlah RM1.85 billion telah digunakan sepenuhnya dalam masa 2 tahun sejak dari tarikh ianya diperkenalkan pada 2hb Januari, 1998.

Bagi memenuhi permintaan pinjaman dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS), kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan satu lagi tabung iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) berjumlah RM200 juta di mana CGC telah dilantik untuk menguruskannya.

Tambahan sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam tahun 2001. Pembayaran balik akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana di bawah TIKS 2 telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun. Mulai dari 17hb Oktober, 2002, BNM telah mengambil alih pentadbiran tabung TIKS 2 dan juga Tabung TUB 2 dari CGC. Walaubagaimanapun, CGC masih terus menguruskan pinjaman yang telah diterima sebelum 17hb Oktober, 2002.

Skim ini bertujuan untuk membantu IKS di dalam sektor yang terpilih iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan, samada menembusi pasaran eksport atau menyediakan jalinan kepada industri yang berorientasikan eksport dengan pembiayaan sehingga RM1 juta kepada setiap pelanggan untuk tujuan modal pusingan.

26. PROJEK USAHAWAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERUNCITAN (PROSPER)

Skim PROSPER telah diperkenalkan pada Ogos 2000 dalam usaha untuk menggalakkan lebih penglibatan usahawan Bumiputera di dalam perniagaan peruncitan seluruh Malaysia. Di bawah skim ini, 4 pihak utama yang terlibat iaitu:-

- (i) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- (ii) TPPT Sdn. Bhd.
- (iii) Institusi Kewangan Terlibat (buat masa ini hanya Malayan Banking Berhad sahaja)
- (iv) CGC

Kemudahan-kemudahan skim PROSPER disediakan di bawah Skim Jaminan Anjal CGC dengan Lindungan Jaminan 100%.

Pada 3hb Mac, 2005, CGC telah menerima sejumlah RM30 juta sebagai geran daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dana ini akan digunakan untuk mengimbangi kemungkinan kerugian pinjaman di bawah skim ini.

27.HASIL

	2007 RM	2006 RM
Yuran jaminan	111,179,726	96,744,700
Faedah - Simpanan tetap	154,809,758	136,258,691
- Bon Cagamas	755,041	1,078,000
- Lain-lain Bon	8,494,379	9,531,096
	275,238,904	243,612,487

28.UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN

Keuntungan ini diperolehi selepas ditolak/(tambah):-

Bayaran pengarah-pengarah	827,205	746,830
Yuran pengarah-pengarah	92,000	89,479
Elaun mesyuarat pengarah-pengarah	167,000	123,000
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,607,527	2,344,371
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan (Nota 7)	4,138,377	5,265,514
Pelupusan prabayar bayaran tanah pajakan (Nota 8)	34,991	200,418
Bayaran juruaudit	30,000	30,000
Peruntukan tuntutan	220,995,355	113,792,862
Pendapatan sewa	(583,249)	(611,364)
Kos pelunasan terkumpul ke atas bon-bon	83,748	948,406
Keuntungan dari jualan harta tanah, loji dan peralatan	(3,040)	(209,998)
Pelbagai ganjaran pengarah-pengarah	31,750	29,379

29.CUKAI

CGC telah diberikan pengecualian cukai pendapatan daripada tahun 2002 bagi tempoh 10 tahun di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

30. LIABILITI LUARJANGKA

CGC mempunyai liabiliti luarjangka di atas jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di bawah pelbagai skim.

	2007 RM	2006 RM
Jumlah kemudahan kredit yang telah dijamin oleh CGC di bawah Skim-skim Jaminan	4,571,329,269	5,404,577,776
Liabiliti luarjangka terhasil	3,786,036,842	4,512,887,957
Tolak: Jumlah yang dianggarkan lapuk dan ragu di mana peruntukan telah dibuat	338,091,595	357,902,494
Jumlah diperuntukkan ke Rizab untuk memenuhi tuntutan di masa hadapan	298,694,066	240,106,179
	636,785,661	598,008,673
Liabiliti luarjangka bersih	3,149,251,181	3,914,879,284

31. KOMITMEN-KOMITMEN MODAL

	2007 RM	2006 RM
Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukan di dalam penyata kewangan:-		
Diluluskan dan dimeterai	7,204,600	523,859
Diluluskan tetapi tidak dimeterai	15,586,550	26,242,991
	22,791,150	26,766,850
Komitmen untuk melanggan saham-saham dalam Aureos Malaysia Fund LLC	33,495,034	-

32. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN

Jumlah yang dibawa dan anggaran nilai berpatutan bagi aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:-

	2007		2006	
	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM
<u>Aset-aset Kewangan</u>				
Yuran akan diterima	27,430,968	27,430,968	19,494,749	19,494,749
Jumlah belum berbayar dari				
Bank Negara Malaysia	3,010,397	3,010,397	-	-
Penghutang-penghutang lain	8,534,619	8,534,619	4,982,606	4,982,606
Pinjaman dan pendahuluan	187,070,510	187,070,510	221,584,356	221,584,356
Sekuriti pelaburan	262,823,752	262,823,752	263,721,241	263,721,241
Deposit, wang tunai dan baki dalam bank	4,140,389,549	4,140,389,549	4,103,149,017	4,103,149,017
<u>Liabiliti-liabiliti Kewangan</u>				
Tuntutan akan dibayar	34,298,179	34,298,179	39,988,831	39,988,831
Pemiutang-pemiutang lain	75,138,347	75,138,347	59,082,660	59,082,660
Dana Kerajaan	300,000,000	300,000,000	300,000,000	296,000,000
Pinjaman dari Bank				
Negara Malaysia	950,000,000	863,000,000	950,000,000	841,000,000
Tabung Pembiayaan				
Usahawan Kecil	30,000,000	29,000,000	40,000,000	38,000,000
Tabung Usahawan Kecil	490,000,000	490,000,000	490,000,000	486,000,000
Skim Jaminan				
Usahawan Kecil	79,000,000	76,000,000	79,000,000	73,000,000

32. INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kaedah dan anggaran yang digunakan bagi menganggar nilai berpatutan bagi setiap kelas aset-aset kewangan dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah seperti berikut:-

- (a) Sekuriti-sekuriti pelaburan

Anggaran bagi nilai berpatutan adalah berdasarkan harga pasaran pada tarikh kunci kira-kira.

- (b) Yuran, Jumlah belum berbayar dari Bank Negara Malaysia, penghutang-penghutang lain, tuntutan-tuntutan pemiutang dan pemiutang-pemiutang lain.

Jumlah dibawa bagi penghutang-penghutang dan pemiutang-pemiutang adalah anggaran yang berpatutan bagi nilai yang sepatutnya kerana jangka matang yang pendek.

- (c) Deposit-deposit, wang tunai dan baki-baki dalam bank

Jumlah dibawa bagi deposit-deposit, wang tunai dan baki-baki dalam bank merupakan anggaran bagi nilai berpatutan kerana jangka matang yang pendek.

- (d) Pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan

Ini adalah pengeluaran bagi pinjaman dan pendahuluan di bawah tabung-tabung khas dan skim-skim yang ditadbir oleh CGC. Nilai dibawa adalah merupakan anggaran bagi nilai berpatutan kerana nilai dibawa adalah bersamaan dengan nilai yang boleh dipungut di bawah skim-skim tersebut.

- (e) Dana kerajaan dan pinjaman dari Bank Negara Malaysia

Pinjaman-pinjaman dan dana-dana ini diperuntukkan kepada CGC pada kadar faedah yang rendah untuk membiayai skim-skim pinjaman dan mengukuhkan rizab-rizab bagi memenuhi tuntutan dan kerugian dari operasi. Nilai berpatutan merupakan anggaran yang dibuat jika pinjaman diperolehi mengikut nilai pasaran.

33.KEPENTINGAN TRANSAKSI-TRANSAKSI PIHAK YANG BERKENAAN

(a) Pihak yang berkenaan dan hubungannya dengan CGC adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Hubungan
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.	Syarikat Bersekutu

(b) Kepentingan transaksi pihak berkenaan telah digariskan seperti di bawah:

	2007 RM	2006 RM
Pampasan kakitangan pengurusan utama		
Gaji-gaji dan lain-lain kebajikan pekerja jangka pendek	827,205	746,830

34.PENYATAAN SEMULA PERBANDINGAN-PERBANDINGAN

Pembentangan dan pengkelasan perkara-perkara di dalam penyata-penyata kewangan tahunan semasa adalah setara dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali bagi angka-angka perbandingan seperti berikut yang mana telah dinyatakan semula hasil daripada penerapan FRS 117, Pajak:-

	Seperti dinyatakan semula RM	Seperti dinyatakan sebelumnya RM
Kunci Kira Kira		
Pada 31hb Disember, 2006:		
Harta tanah, Loji dan Peralatan	33,745,963	36,752,226
Prabayar bayaran tanah pajakan	3,006,263	-

Penyata Lembaga Pengarah dan Perakuan Berkanun - 31hb Disember, 2007

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Kami, DATO' ZAMANI ABDUL GHANI dan MD. YUSOF HUSSIN, dua orang daripada pengarah CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 145 ke 183 telah disediakan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan CGC pada 31hb Disember, 2007 serta keputusan dan aliran wang tunai CGC bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATO' ZAMANI ABDUL GHANI



MD. YUSOF HUSSIN

Kuala Lumpur,

Tarikh: 25hb April, 2008

PERAKUAN BERKANUN

Saya, DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD, pengarah yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 145 ke 183 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat pengakuan yang ikhlas ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang)
tersebut di atas DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD)
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan)
pada 25hb April, 2008)



DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD

Di hadapan saya,



Laporan Juruaudit Kepada Ahli-ahli Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

(No Syarikat: 12441-M)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 145 hingga 183. Penyata kewangan ini adalah merupakan tanggungjawab para pengarah.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membentuk pendapat bebas kami ke atas penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174, Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.

Kami telah mengendalikan audit kami mengikut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah tentang samada penyata kewangan tersebut bebas dari salah nyata yang ketara. Audit kami meliputi pemeriksaan, berasaskan kepada ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan dalam penyata kewangan berkenaan. Audit kami juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami menyediakan suatu asas munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:-

(a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut Piawaian-piawaian Laporan Kewangan (FRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai:-

- (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diuruskan dalam penyata kewangan; dan
- (ii) kedudukan urusan CGC pada 31hb Disember, 2007 dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir;

dan

(b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh CGC telah disimpan dengan wajar dan sempurna, sesuai dengan kehendak-kehendak Akta tersebut.



SALLEH, LEONG, AZLAN & CO.

AF: 0010

Akauntan Bertauliah



NG ENG KIAT

1064/03/09(J/PH)

Rakan Firma

Kuala Lumpur,

Tarikh: 25hb April, 2008

Branch Network

Jaringan Cawangan



Client Service Centre / Pusat Khidmat Pelanggan

Level 2, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.
Phone : 03-78800088 Facsimile : 03-78030077

Person to Contact : Nor Zalina Abdullah
Email : csc@cgc.com.my

Main Branch / Cawangan Utama

Level 3, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.
Phone : 03-78048100
Facsimile : 03-78061290

Person to Contact : Phang Chee Mun
Email : phang@cgc.com.my

Prai

Lot 9G, No. 2782, Taman Inderawasih,
Jalan Chain Ferry, 13700 Prai, Pulau Pinang.
Phone : 04-3992400
Facsimile : 04-3975434

Person to Contact : Ng Teik Hiang
Email : thng@cgc.com.my

Alor Setar

No. 1908, Jalan Stadium, 05100 Alor Setar, Kedah.
Phone : 04-7312300
Facsimile : 04-7341500

Person to Contact : Wan Faizah Zakaria
Email : faizah@cgc.com.my

Ipoh

No.50, Ground Floor, Persiaran Greenhill,
30450 Ipoh, Perak.
Phone : 05-2433900
Facsimile : 05-2434900

Person to Contact : Ruslan Yusof
Email : ruslan@cgc.com.my

Kuala Terengganu

Ground Floor, 111A, Jalan Batas Baru,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.

Phone : 09-6252400

Facsimile : 09-6252399

Person to Contact : Wan Zailani Wan Ahmad

Email : wan_zailani@cgc.com.my

Kuala Lumpur

No.34, A-0-1, Jalan 1/27F,
Pusat Bandar Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Phone : 03-41496476

Facsimile : 03-41491237

Person to Contact : Julinah Abdul Hamid

Email : julinah@cgc.com.my

Melaka

111, Ground Floor, Jalan TMR 24,
Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.

Phone : 06-2844300

Facsimile : 06-2832205

Person to Contact : Mohd Noor Ismail

Email : mnoor@cgc.com.my

Kota Bharu

P.T 164, Ground Floor, Section 26,
Jalan Dusun Muda, 15400 Kota Bharu, Kelantan.

Phone : 09-7437730

Facsimile : 09-7437752

Person to Contact : Md Yusof Omar

Email : md_yusof@cgc.com.my

Kota Kinabalu

Unit No. 5/G6, Ground Floor, Api-Api Centre,
Jalan Centre Point, 88000 Kota Kinabalu, Sabah.

Phone : 088-538300

Facsimile : 088-538700

Person to Contact : Amirudin Ab Rashid

Email : Amir@cgc.com.my

Kuching

192H, Ground Floor, Lot 472, AlHdus Commercial
Centre, Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak.

Phone : 082-424200

Facsimile : 082-427300

Person to Contact : Sulaiman Abdullah @

Sulai Dubin

Email : sulaiman@cgc.com.my

Kuantan

No. A-97, Ground Floor, Sri Dagangan Kuantan,
Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang.

Phone : 09-5139277

Facsimile : 09-5139577

Person to Contact : Sherifah Nor Hana

Sy. Osman Hamid

Email : sherifah@cgc.com.my

Seremban

No.21, Jalan Durian Emas 3, Betaria Business Centre,
70400 Seremban, Negeri Sembilan.

Phone : 06-7612400

Facsimile : 06-7612477

Person to Contact : Siti Hajjar Abdul Majid

Email : hajjar@cgc.com.my

Johor Bahru

No.46, Jalan Sulam, Taman Sentosa,
80150 Johor Bahru, Johor.

Phone : 07-3382788

Facsimile : 07-3344977

Person to Contact : A'nas Salehuddin

Email : anas@cgc.com.my

Batu Pahat

No.20, Jalan Maju, Taman Maju Bukit Pasir,
83000 Batu Pahat, Johor.

Phone : 07-4322633

Facsimile : 07-4323088

Person to Contact : Halim Abu @ Abu Hassan

Email : halim@cgc.com.my

Sandakan

Lot 8, Block 1, Jalan Labuk, Bandar Indah,
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah.

Phone : 089-224698

Facsimile : 089-224963

Person to Contact : Zairul Hijoo

Email : zairul@cgc.com.my

Miri

Lot 789 (Ground Floor) Block 9, MCLD Bintang Jaya
Commercial Centre, 98000 Miri, Sarawak.

Phone : 085-421270

Facsimile : 085-410370

Person to Contact : Mohamed Suffri

Mohamed Yusop

Email : suffri@cgc.com.my

Credit Guarantee Corporation 
(12441-M)

Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603 7806 2300 Fax: +603 7806 3308 Website: www.iGuarantee.com.my